



LAPORANTAHUNAN

JABATAN AUDIT NEGARA

2019

**“RINGKAS,
PADAT
DAN
INFORMATIF”**



LAPORANTAHUNAN
JABATAN AUDIT NEGARA
2019



Tema

"Ringkas, Padat dan Informatif"

KANDUNGAN

4 Selamat Bersara
YBhg. Tan Sri Dr. Madinah Mohamad

5 Selamat Datang
YBhg. Datuk Nik Azman
Nik Abdul Majid

7 Perutusan
Ketua Audit Negara

11 Info
Korporat

23 Pejabat
Ketua Audit Negara

93 Sektor
Audit
Kewangan

105 Sektor
Audit
Prestasi

135 Sektor Audit
Syarikat Kerajaan

151 Memperkukuh
Pengurusan Dan Modal Insan

169 Aktiviti Sosial

235 Anugerah Dan
Pengiktirafan

249 Jasamu
Dikenang

255 Jejak 2019

296 Pejabat Dan Wisma Audit, Jabatan Audit Negara

298 Sidang
Redaksi

299 Sisipan
5th ASEANSAI SUMMIT 2019

SELAMAT BERSARA

YBhg. Tan Sri Dr. Madinali Mohamad





SELAMAT DATANG

*YBhg. Datuk Nik Azman
Nik Abdul Majid*





*Perutusan
Ketua Audit Negara*

PERUTUSAN KETUA AUDIT NEGARA

Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid Ketua Audit Negara

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnianya Laporan Tahunan Jabatan Audit Negara Tahun 2019 (LT JAN Tahun 2019) telah selamat diterbitkan. Syabas diucapkan kepada Sidang Redaksi yang telah bertungkus lumus menyiapkan Laporan Tahunan ini. Saya juga merakamkan penghargaan kepada seluruh warga Jabatan Audit Negara (JAN) kerana memberikan kerjasama yang baik bagi menerbitkan Laporan Tahunan ini. Laporan ini penting sebagai titipan sejarah dan dokumentasi yang merakamkan sumbangan, kejayaan dan pencapaian JAN sepanjang tahun 2019.

Sukacita saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada seluruh warga JAN kerana telah sama-sama berganding bahu menjalankan tugas yang diamanahkan bagi meningkatkan integriti dan akauntabiliti sektor awam dengan memastikan pengurusan wang awam dilaksanakan dengan berhemat serta menekankan prinsip tadbir urus yang baik dan cekap. Dengan usaha yang gigih itu kita bersama-sama berjaya memenuhi tuntutan dan harapan tinggi *stakeholders* terhadap JAN dengan melaksanakan mandat yang telah diberi.



Alhamdulillah, tahun 2019 kita berjaya membentangkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Pengesahan Penyata Kewangan, Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti), Pengauditan Pematuhan, Pengauditan Prestasi dan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan. Pencapaian ini adalah hasil dari pengauditan terhadap 472 Penyata Kewangan, 247 Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) dan 33 Pengauditan Pematuhan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi peringkat Persekutuan/ Negeri. Di samping 96 Pengauditan Prestasi meliputi program dan aktiviti di pelbagai Kementerian/ Jabatan Persekutuan dan Negeri serta pengauditan terhadap 44 Syarikat Kerajaan yang menerima geran/ pinjaman dari Kerajaan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan JAN Negeri Pulau Pinang atas kerjasama dan layanan yang diberikan semasa penganjuran Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam yang berlangsung dari 2 hingga 4 Oktober 2019. Pengisian program ini diharap dapat meningkatkan kesedaran Juruaudit tentang peranan mereka dalam membantu Kerajaan memastikan wang awam diurus dengan cekap dan penuh tanggungjawab.

Tahniah diucapkan kepada warga JAN kerana berjaya memartabatkan nama JAN ataupun *Supreme Audit Institutions of Malaysia* di persada antarabangsa dengan kejayaan menjadi tuan rumah 5th ASEANSI Summit 2019 dari 4 sehingga 7 November 2019 sekaligus Malaysia secara rasminya mengambil alih jawatan Pengerusi ASEANSI daripada Lao PDR bagi tempoh 2019 sehingga 2021. Kejayaan JAN di peringkat antarabangsa juga disumbangkan oleh penyertaan aktif kita dalam program anjuran INTOSAI, ASOSAI, ASEANSI dan SAI peringkat antarabangsa. JAN juga dipandang tinggi di mata antarabangsa apabila menjadi pilihan untuk menghantar pegawai-pegawai mereka mendalami ilmu pengauditan. Seramai 229 orang pegawai audit dari Sri Lanka telah mengikuti kursus Pengauditan Prestasi dan 33 orang peserta MTCP mengikuti kursus Pengauditan Prestasi serta Pengauditan IT di Akademi Audit Negara (AAN).

Semua kejayaan yang kita kecapi sepanjang tahun 2019 tidak akan dapat direalisasikan jika kita tidak memiliki modal insan yang berkemampuan tinggi serta mempunyai nilai profesionalisme yang baik. Terima kasih atas usaha berterusan Akademi Audit Negara yang merangka program latihan fungsional dan generik untuk warga JAN.

Semoga kejayaan yang telah dicapai tidak terhenti setakat ini sahaja, kita perlu berusaha lebih gigih lagi bagi mengekalkan apa yang telah kita capai pada tahun 2019 dan juga mencipta kejayaan yang baru untuk tahun-tahun yang mendatang. Akhir kata marilah sama-sama kita bergerak ke hadapan dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan sektor awam dengan memberi perkhidmatan yang lebih efisien dan efektif serta mendukung prinsip ketelusan, integriti dan akauntabiliti dengan mengambil kira cabaran diperingkat domestik dan global.

Sekian, terima kasih.



Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid
Ketua Audit Negara

Info Korporat



INFO KORPORAT JABATAN AUDIT NEGARA


VISI

Sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa.



MISI

Melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti bagi memenuhi kehendak pelanggan.



OBJEKTIF

- Menyediakan Laporan Audit pada masanya untuk dikemukakan kepada Parlimen/Dewan Undangan Negeri.
- Melaksanakan aktiviti pengauditan dan penyediaan Laporan secara bebas dan adil.
- Memenuhi keperluan dan harapan daripada *stakeholders* dan Auditi.
- Menguruskan aktiviti audit dengan cekap dan berkesan.
- Menjadi jabatan contoh dalam persekitaran negara maju.



PIAGAM PELANGGAN

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa
- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

DASAR & OBJEKTIF KUALITI



Dasar Kualiti

- Menjalankan pengauditan secara profesional berpandukan kepada Standard Pengauditan Antarabangsa
- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan.
- Menyediakan Laporan Audit yang seimbang tanpa sebarang prejudis dan prasangka.

Objektif Kualiti

- Mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Sijil Audit dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan yang lengkap.
- Menyiapkan pengauditan Pengurusan Kewangan dan mengeluarkan laporan mengenainya dalam tempoh tiga bulan daripada tarikh pengauditan.
- Memastikan Pengauditan Pengurusan Kewangan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.

SLOGANKUALITI

“Audit Berkualiti Meningkatkan Akauntabiliti”



NILAI UTAMA

Bebas

Melaksanakan tugas tanpa dipengaruhi dan diancam

Profesional

Melaksanakan tugas dengan profesional. Menanda aras kerja pengauditan dengan standard antarabangsa

Integriti

Berintegriti bagi memastikan hasil pengauditan adalah boleh dipercayai.

Amanah

Bertanggungjawab, menjadikan sifat amanah sebagai asas dalam pasukan kerja.

Relevan

Menyediakan maklumat yang tepat dan memenuhi kehendak stakeholders.




KODETIKA JURUAUDIT

- Integriti
- Kebebasan, Objektiviti, Adil dan Saksama
- Kompetensi dan Ketelitian Profesional Yang Wajar
- Kerahsiaan Profesional
- Tadbir Urus Yang Baik
- Jaminan Kualiti
- Disiplin Diri
- Percanggahan Kepentingan
- Penglibatan Dalam Aktiviti Luar

CARTA ORGANISASI

Tabatan Audit Negara



KETUA AUDIT NEGARA

- TURUS II

SEKTOR AUDIT KEWANGAN

TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (KEWANGAN) - JUSA A

BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN I
PENGARAH AUDIT - JUSA B

BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN II
PENGARAH AUDIT - JUSA C

BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN III
PENGARAH AUDIT - JUSA C

BAHAGIAN AUDIT KEWANGAN IV
PENGARAH AUDIT - JUSA C

**SEKSYEN PENYELARASAN LAPORAN,
PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KETUA PENOLONG PENGARAH

SEKTOR AUDIT SYARIKAT KERAJAAN

TIMBALAN KETUA AUDIT NEGARA (TADBIR URUS) - JUSA B

BAHAGIAN AUDIT TADBIR URUS
PENGARAH AUDIT - JUSA C

**BAHAGIAN PENYELARASAN
AUDIT DALAM**
PENGARAH AUDIT - W54

**SEKSYEN PENYELARASAN,
PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**
KETUA PENOLONG PENGARAH

JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI

JOHOR
PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C

SELANGOR
PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C

SARAWAK
PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C

SABAH
PENGARAH AUDIT NEGERI - JUSA C

TERENGGANU
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

PULAU PINANG
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

KELANTAN
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

PERAK
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

KEDAH
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

MELAKA
PENGARAH AUDIT NEGERI - W52

PAHANG
PENGARAH AUDIT NEGERI - W54

NEGERI SEMBILAN
PENGARAH AUDIT NEGERI - W52

PERLIS
PENGARAH AUDIT NEGERI - W48

PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN AUDIT NEGARA TAHUN 2019



Berdiri dari kiri:

YBhg. Dato' Haji Che Isa Haji Che Kob, Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan);

YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Audit Negara Malaysia;

YBrs. Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi); dan

YBhg. Datuk Zulkipli Abdullah, Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat Kerajaan).

SEKTOR AUDIT PRESTASI



1. YBrs. Puan Yusnani Zakaria
Pengarah Audit Prestasi I
Sektor Audit Prestasi
2. YBrs. Tuan Hj. Mohd. Zaki Ismail
Pengarah Audit Prestasi II
Sektor Audit Prestasi
3. YBrs. Encik Mohd Marzuni Muhammad
Pengarah Audit Prestasi III
Sektor Audit Prestasi
4. YBrs. Encik Y Hamdan Mohd Dom
Pengarah Audit ICT
Sektor Audit Prestasi
5. YBrs. Ir. Ruhani Hj. Ali
Pengarah Bahagian Teknikal
Sektor Audit Prestasi (Sehingga 23 Julai 2019)
6. YBrs. Ir. Othman Bin Ibrahim
Pengarah Bahagian Teknikal
Sektor Audit Prestasi (Bermula 14 November 2019)
7. YBhg. Dato' Mohamed Ziadi Zakaria
Pengarah Bahagian Susulan Audit
Sektor Audit Prestasi

SEKTOR AUDIT KEWANGAN



1. YBhg. Datuk Johari Ismail
Pengarah Audit Kewangan I
Sektor Audit Kewangan
2. YBrs. Puan Swaibatul Aslamiah Hj. Husain
Pengarah Audit Kewangan II
Sektor Audit Kewangan
3. YBrs. Dr. Masiah Ahmad
Pengarah Audit Kewangan III
Sektor Audit Kewangan
4. YBhg. Datin Siti Zaleha Bakar
Pengarah Audit Kewangan IV
Sektor Audit Kewangan

SEKTOR AUDIT SYARIKAT KERAJAAN



1. YBhg. Datuk Nor Salwani Muhammad
Pengarah Audit Tadbir Urus
Sektor Audit Syarikat Kerajaan

SEKTOR PENGURUSAN



1. YBrs. Encik Putra Nurwan Shah Baharuddin
Pengarah
Sektor Pengurusan

PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA



1. YBrs. Tuan Haji Roslan Abu Bakar
Pegawai
Akademi Audit Negara
2. YBrs. Dr. Nor Haiza Haji Abd Aziz
Pegawai Bahagian Hubungan Antarabangsa,
Penyelidikan dan Quality Assurance Review
3. Puan Sharifah Zarina Syed Ahmad
Pegawai Bahagian Penyelarasan dan
Kolaborasi Strategik
4. Puan Intan Noorashikin Nasarudin
Penasihat Undang-Undang
5. Puan Sharifah Nisrinah Syed Ahmad
Ketua Unit Integriti
6. Encik Noradzri Abdul Rahman
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Bertukar keluar pada 2 Ogos 2019
7. Puan Siti Anisah Abdul Rafie
Ketua Unit Komunikasi Korporat
Lapor Diri pada 5 Ogos 2019

JABATAN AUDIT NEGARA NEGERI



1. YBrs. Tuan Hj. Said Supar
Pengarah Audit Negeri Johor
2. YBrs. Puan Patimah Ramuji
Pengarah Audit Negeri Sabah
3. YBrs. Puan Toeyah Hj. Tioh
Pengarah Audit Negeri Sarawak
4. YBrs. Encik Abd Ghani Sulaiman
Pengarah Audit Negeri Selangor
5. Encik Nikrul Tarmizi Awalludin
Pengarah Audit Negeri Terengganu
6. Cik Raftah Ibrahim
Pengarah Audit Negeri Pulau Pinang
7. Encik Azman Mahmood
Pengarah Audit Negeri Kelantan
8. Encik Zulkifli Tunggal
Pengarah Audit Negeri Pahang
9. Puan Baridatul Anita Bidin
Pengarah Audit Negeri Kedah
10. Encik Mohd Fisul Ismail
Pengarah Audit Negeri Perak
11. Encik Zakri Mamat
Pengarah Audit Negeri Sembilan
12. Encik Saiful Anuar Zakaria
Pengarah Audit Negeri Melaka
13. Encik Abd Aziz Che Daud
Pengarah Audit Negeri Perlis

*Pejabat
Ketua Audit Negara*



PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA

Ketua Audit Negara (KAN) telah diberi mandat untuk menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta menilai sama ada wang awam telah dibelanjakan untuk tujuan ianya diperuntukan dengan cekap dan berhemat bagi mengelakkan penyelewengan, pembaziran dan pemborosan. Dalam menjalankan amanah sebagai KAN, YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid yang telah dilantik pada 11 Mac 2019 sentiasa mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan (*stakeholder*) bagi mendapatkan pandangan dan input agar pengauditan yang dilaksanakan memberi impak yang tinggi kepada kerajaan. KAN juga adalah Ketua Perkhidmatan kepada Jabatan Audit Negara (JAN), oleh itu KAN perlu memastikan tadbir urus JAN dilaksanakan dengan baik, berintegriti dan akauntabiliti yang tinggi.

YBhg. Datuk KAN telah mewarnai tahun 2019 dengan pelbagai aktiviti seperti pembentangan tiga (3) siri Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen yang didahului dengan mengadap memohon limpah perkenan KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebagai peneraju Jabatan Audit Negara, pejabat YBhg. Datuk KAN tidak sunyi dari dikunjungi oleh Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan, Negeri serta Agensi Kerajaan yang lain. Di samping menerima tetamu dari dalam negeri, YBhg. Datuk KAN juga menerima kunjungan tetamu dari luar negara bagi mengukuhkan hubungan *biletaral* yang telah sedia terjalin. Dalam memastikan tadbir urus yang baik, YBhg. Datuk KAN terlibat dalam menjadi pengerusi Jawatankuasa Utama peringkat JAN. YBhg. Datuk KAN juga terlibat sebagai ahli mesyuarat beberapa jawatankuasa peringkat kebangsaan.

MANDAT KETUA AUDIT NEGARA

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 9 Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara (KAN) mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan pengurusan syarikat kerajaan persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/ Sultan/ Raja/ Yang di-Pertua Negeri untuk mendapat perkenan sebelum laporan itu dibentang di Dewan Rakyat/ Dewan Undangan Negeri. Jabatan Audit Negara (JAN) melaksanakan lima (5) jenis pengauditan seperti berikut:

- a) Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini;
- b) Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan berkaitan. Aspek yang dinilai adalah berkaitan Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Perolehan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/ Akaun Amanah/ Kumpulan Wang Pinjaman dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor, Pengurusan Kenderaan, Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman serta Pengurusan Penyata Kewangan;
- c) Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan telah diurus mengikut undang-

undang dan peraturan kewangan bagi mengelakkan berlaku pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam;

- d) Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kerajaan Persekutuan serta Kerajaan Negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan
- e) Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat kerajaan Persekutuan dan Negeri telah dilaksanakan dengan teratur bagi mencapai objektif syarikat dari segi tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan.

JAN melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti dan memenuhi kehendak pemegang taruh (*stakeholder*). Selain daripada mengaudit dan melapor, JAN juga perlu menyusul tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi terhadap isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 9 Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara (KAN) mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi dan pengurusan syarikat kerajaan persekutuan. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong/ Sultan/ Raja/ Yang di-Pertua Negeri untuk mendapat perkenan sebelum laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat/ Dewan Undangan Negeri. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

472

PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Meliputi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Kumpulan Wang Amanah Persekutuan, Akaun Amanah, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

247

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI)

Meliputi Kementerian/Jabatan/ Agensi/Badan Berkanun di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

33

PENGAUDITAN PEMATUHAN

Meliputi Kementerian/Jabatan/ Agensi/Badan Berkanun di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

96

PENGAUDITAN PRESTASI

Meliputi program/aktiviti/projek di bawah aktiviti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

44

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Meliputi syarikat kerajaan yang menerima geran/ pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri.

581 SYOR

Telah dikemukakan untuk tindakan penambahbaikan kelemahan yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara

UPACARA MENGADAP KDYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG



Upacara mengadap KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mempersembahkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 dan memohon limpah perkenan Tuanku untuk dibentangkan di Parlimen



Upacara mengadap KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mempersembahkan Laporan Ketua Audit Negara - Penyata Kewangan Tahun 2018 dan memohon limpah perkenan Tuanku untuk dibentangkan di Parlimen

PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA KEPADA SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT



Penyerahan LKAN Tahun 2018 Siri 1 Kepada Wakil Setiausaha Dewan Rakyat Encik Amisyahrizan Amir Khan pada 12 Julai 2019



Penyerahan LKAN Tahun 2018 – Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan kepada YBhg. Datuk Rosmee Hamzah Setiausaha Dewan Rakyat pada 11 Oktober 2019



Antara pegawai JAN yang terlibat dalam penyusunan LKAN Tahun 2018 – Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan di Parlimen



Penyerahan LKAN Tahun 2018 Siri 2 – Aktiviti Kementerian/ Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan kepada YBhg. Datuk Rosmee Hamzah Setiausaha Dewan Rakyat pada 29 November 2019



Penyerahan LKAN Tahun 2018 Siri 2 – Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan kepada YBhg. Datuk Rosmee Hamzah Setiausaha Dewan Rakyat pada 29 November 2019


FUNGSI UTAMA JAN

Sejajar dengan perkembangan landskap pengauditan yang semakin rumit dan mencabar dengan pengenalan pelbagai reformasi serta teknologi baru, Jabatan Audit Negara (JAN) sentiasa memberi penekanan yang berterusan dalam memantapkan hala tuju dan metodologi pengauditan. Sehubungan dengan itu JAN sedang dipersiapkan ke arah menjadi sebuah institusi audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa. JAN juga akan melaksanakan pengauditan secara profesional berlandaskan standard pengauditan antarabangsa bagi menghasilkan laporan audit yang berkualiti dan memenuhi kehendak pemegang taruh (*stakeholder*).

Proses pengauditan yang menjadi teras aktiviti JAN meliputi pengauditan kewangan, pengauditan program dan aktiviti Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan, JAN juga berperanan menjalankan pengauditan tadbir urus syarikat yang Kerajaan mempunyai kepentingan di dalamnya. Pada masa sekarang, JAN melaksanakan lima (5) jenis pengauditan seperti berikut:



**Pengauditan
Pengesahan Penyata
Kewangan**



**Pengauditan Pengurusan
Kewangan (Berdasarkan
Indeks Akauntabiliti)**



**Pengauditan
Pematuhan**



**Pengauditan
Prestasi**



**Pengauditan Tadbir Urus
Syarikat Kerajaan**

JAN amat menekankan keseimbangan dalam pelaporannya di mana bukan hanya kelemahan dan ketidakpatuhan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). JAN juga melaporkan inisiatif yang memberi impak positif kepada pengurusan Kementerian/ Jabatan Kerajaan. Selain daripada mengaudit dan melapor, JAN juga menyusul tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian/ Jabatan/ Agensi terhadap isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) serta syor yang telah diberikan.

AKAUNTABILITI JABATAN AUDIT NEGARA DALAM SEKTOR AWAM


Kepentingan Ketua Audit Negara sebagai faktor semak dan imbang dalam Sektor Awam adalah seperti Ilustrasi berikut:



Sumber : Buku 100 Tahun Jabatan Audit Negara 1906-2006 (Terbitan Tahun 2006)

STANDARD PENGAUDITAN DAN GARIS PANDUAN

Jabatan Audit Negara yang diiktiraf sebagai *Supreme Audit Institutions* melaksanakan pengauditan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di dalam negara serta memenuhi standard pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Standard yang digunakan oleh JAN adalah *The International Standard of Supreme Audit Institutions* (ISSAI):



Jabatan Audit Negara telah menerbitkan garis panduan merangkumi pelbagai aspek dan jenis pengauditan bagi membantu Juruaudit melaksanakan tugas pengauditan. Garis panduan utama melibatkan Pengauditan Kewangan, Pengauditan Prestasi dan Pengauditan Syarikat.

PEMANTAPAN PENGAUDITAN

Peningkatan kesedaran di kalangan masyarakat berkenaan kepentingan akauntabiliti awam diperkasa dan dipelihara memberikan cabaran kepada pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN. Pengauditan perlu dimantapkan dengan mengambil kira perubahan permintaan dan persekitaran yang berlaku terutamanya dalam persekitaran teknologi maklumat yang mendasari Revolusi Industri 4.0 kini. Usaha pemantapan pengauditan di JAN diperlihatkan melalui beberapa pendekatan antaranya:

**MENGELUARKAN ARAHAN
KETUA AUDIT NEGARA**

PENYELIDIKAN YANG DILAKSANAKAN

**SEMAKAN JAMINAN KUALITI
(QUALITY ASSURANCE REVIEW – QAR)**

MEWUJUDKAN PANEL PAKAR RUJUK

**KERJASAMA BERSAMA BADAN PROFESIONAL
SEBAGAI LANDASAN BAGI MENDEDAHKAN
JURUAUDIT DENGAN PERKEMBANGAN
SEMASA DALAM BIDANG PENGAUDITAN.**

ARAHAN KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA (KEWANGAN) BILANGAN 1 TAHUN 2019

PENGAUDITAN PEMATUHAN

- Panduan kepada Juruaudit bagi melaksanakan Pengauditan Pematuhan dan menghasilkan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang berkualiti serta selaras dengan kehendak *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).
- Bertujuan untuk menerangkan proses kerja Pengauditan Pematuhan di peringkat perancangan, pelaksanaan, pelaporan dan susulan Audit.

TADBIR URUS JAN

YBhg. Datuk Ketua Audit Negara (KAN) amat menitik beratkan prinsip tadbir urus yang baik kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara (JAN). Bagi menyahut saranan kerajaan dalam mereformasi tadbir urus kearah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam pelbagai jawatankuasa diperingkat JAN telah ditubuhkan selaras dengan kehendak pekeliling dan peraturan semasa. Setiap jawatankuasa dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KAN dan beliau akan memastikan setiap jawatankuasa berjalan dan berfungsi dengan baik melalui mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan. Jawatankuasa utama yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KAN adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA UTAMA JAN

- 1 JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)
- 2 JAWATANKUASA PEMANDU QUALITY ASSURANCE REVIEW (JPQAR)
- 3 JAWATANKUASA AUDIT (JKA)
- 4 JAWATANKUASA PEMANDU ICT (JPICT)
- 5 JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)
- 6 JAWATANKUASA LATIHAN
- 7 LEMBAGA TATATERTIB
- 8 JAWATANKUASA PEMILIHAN PEGAWAI KE LUAR NEGERI
- 9 JAWATANKUASA KESELAMATAN JABATAN
- 10 JAWATANKUASA PEMBANGUNAN
- 11 PANEL PEPERIKSAAN JABATAN
- 12 JAWATANKUASA AKAUN AMANAH
- 13 PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

LKAN yang telah dibentangkan di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri akan dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri. KAN adalah berperanan membantu dan menasihati mesyuarat mengenai isu-isu yang dibangkitkan pihak JAN. Jawatankuasa seterusnya akan mengemukakan pandangan dan cadangan bagi membantu memperkemas pentadbiran Kerajaan dan memastikan pengurusan kewangan Kerajaan dilaksanakan secara lebih telus dan berhemat. Jawatankuasa berhak memanggil mana-mana Kementerian/Jabatan/Agensi untuk menghadiri mesyuarat prosiding mengenai apa-apa isu berkaitan LKAN yang difikirkan perlu diperiksa lanjut oleh Jawatankuasa.

PERANAN JANDALAM MEMBANTU PROSES KERJA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA/NEGERI



PARLIMEN

Peringkat Kerajaan Persekutuan

**JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**DEWAN
UNDANGAN
NEGERI**

Peringkat Kerajaan Negeri

**13 JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGERI**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA DAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA NEGERI BAGI TAHUN 2019

Sepanjang tahun 2019, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah mengadakan sebanyak **14** mesyuarat berkaitan pengauditan yang dijalankan oleh JAN. Manakala pada peringkat Negeri, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri telah bermesyuarat sebanyak **48** kali. Jawatankuasa telah menjemput ketua-ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan.



MESYUARAT KAN PERINGKAT KEBANGSAAN



Mesyuarat Majlis Kewangan Negara Tahun 2019
27 Mei 2019



Mesyuarat Pegawai Kewangan Negeri Tahun 2019
30 April 2019

TAKLIMAT KEPADA AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-14



Taklimat Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 kepada Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada 15 Julai 2019



Taklimat Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 – Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan kepada Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada 14 Oktober 2019



Taklimat Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 kepada Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara pada 2 Disember 2019

SIDANG MEDIA KAN BERSAMA AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-14



Sidang Media Ketua Audit Negara bersama Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sempena pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 pada 15 Julai 2018 di Parlimen



Sidang Media Ketua Audit Negara bersama Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sempena pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 – Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada 14 Oktober 2018 di Parlimen



Sidang Media Ketua Audit Negara bersama Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sempena pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 pada 2 Disember 2018 di Parlimen



KUNJUNGAN HORMAT DALAM DAN LUAR NEGARA



Kunjungan Hormat Pegawai Audit dari SAI Oman pada 27 Mac 2019



Kunjungan Hormat Ahli Jawatankuasa GIACC pada 10 April 2019



Kunjungan Hormat dari Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 17 April 2019



Kunjungan Hormat Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 19 April 2019



Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Noraini Ahmad Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara pada 2 Mei 2019



Kunjungan Hormat Datuk Seri Mustafar Ali Ketua Eksekutif Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional pada 15 Mei 2019



Kunjungan Hormat Presiden ACCA Global pada 17 Julai 2019



Kunjungan Hormat Puan Latheefa Koya Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia pada 18 Julai 2019



Kunjungan Hormat Presiden PIDM pada 2 Ogos 2019



Kunjungan Hormat Datuk Seri Dr. Mazlan Yusuf Ketua Pengarah MAMPU pada 19 Ogos 2019



Kunjungan Hormat Puan Nirmazilah Dato' Mahazan CEO MIA pada 6 September 2019



Kunjungan Hormat Pengerusi dan CEO Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada 10 September 2019



Kunjungan Hormat Auditor General of Asian Development Bank (ADB) pada 15 Oktober 2019



Kunjungan Hormat Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia pada 22 Oktober 2019



Kunjungan Hormat YBrs. Dr. Yacob Mustafa Ketua Akauntan Negara pada 18 November 2019



Kunjungan Hormat Auditor General of Maldives pada 13 Disember 2019



Kunjungan Hormat Ketua Pengarah MyIPO pada 16 Disember 2019



Kunjungan Hormat Ahli Lembaga GIACC pada 24 Disember 2019

LAWATANKANKE JANNEGERI



Lawatan KAN
Ke JAN Negeri Kelantan

31 Mac 2019

Lawatan KAN
Ke JAN Negeri Pahang

2 April 2019



Lawatan KAN
Ke JAN Negeri
Terengganu

1 April 2019



Lawatan KAN
Ke JAN Negeri
Johor

15 April 2019



**Lawatan KAN
Ke JAN
Negeri Sabah**

26 Jun 2019



**Lawatan KAN Ke JAN Negeri
Sarawak**

17 September 2019





**Lawatan KAN
Ke JAN Negeri Pulau Pinang**

4 Oktober 2019



**Lawatan KAN Ke
JAN Negeri Melaka**

9 Disember 2019



Lawatan KANKe JANegeri Sembilan

10 Disember 2019



Lawatan KANKe JAN
Negeri Selangor

12 Disember 2019

AKADEMI AUDIT NEGARA

Akademi Audit Negara (AAN) berperanan untuk membangun, meningkatkan kompetensi dan profesionalisme warga JAN dalam bidang pengauditan sektor awam serta bidang lain yang berkaitan. Ia direalisasikan melalui penetapan hala tuju yang jelas, perancangan sistem latihan yang sistematik bagi merealisasi visi untuk menjadi institusi rujukan pengauditan sektor awam terunggul di peringkat nasional dan antarabangsa.

Perancangan Strategik Akademi Audit Negara Dalam Pembangunan Kapasiti Pegawai JAN

AAN telah merangka lima 5 teras Pelan Strategik AAN 2016-2020 bagi menyokong Teras Strategik Keempat dalam Pelan Strategik JAN 2016-2020 iaitu Memperkukuh Pembangunan Kapasiti dan Modal Insan Bagi Meningkatkan Profesionalisme Juruaudit.

5 TERAS PELAN STRATEGIK AAN 2016-2020

TERAS 1	Membangun dan meningkatkan kompetensi Juruaudit
TERAS 2	Menambahbaik mutu pembelajaran dan pengajaran
TERAS 3	Menambahbaik insfrastruktur AAN
TERAS 4	Mewujud jaringan/kolaborasi dengan pihak-pihak yang berkaitan
TERAS 5	Meningkatkan kedudukan AAN sebagai institusi latihan pengauditan yang unggul

Pencapaian Aktiviti Dan Program Latihan Kepada Pegawai Jabatan Oleh AAN Sepanjang Tahun 2019

Sepanjang tahun 2019 AAN telah melaksanakan 63 kursus di bawah 4 program iaitu pengauditan, perakaunan, pengauditan IT dan pengurusan. Setiap kursus yang dianjurkan dikategorikan kepada 3 peringkat iaitu asas, pertengahan dan lanjutan. Program latihan yang dianjurkan oleh AAN ditawarkan kepada semua warga JAN, Unit Audit Dalam dan Agensi Kerajaan yang berminat. Berikut adalah pencapaian AAN pada tahun 2019:

- Sebanyak 63 kursus dilaksanakan berbanding 56 kursus yang disasarkan. 94% dari kursus yang dijalankan mencapai markah melebihi tahap 80% penilaian kursus. Bilangan peserta bagi kursus berkenaan adalah seperti berikut:

PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN ANJURAN AAN TAHUN 2019

BILANGAN KURSUS	JUMLAH PESERTA	2,517
15	<p>Program Pengauditan</p> <p>Kursus Pengauditan Prestasi, Pengurusan Projek, Penulisan Laporan Ketua Audit Negara, Teknik Persampelan Audit, Pengauditan Forensik, Pengauditan Perolehan Kerajaan, Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Berasaskan Risiko, Pengauditan Pematuhan dan Pengauditan Kontrak Kerja.</p>	
15	<p>Program Perakaunan</p> <p>Standard perakaunan (MPSAS, MFRS, MPERS), <i>Ratio Analysis</i>, <i>Forensic Accounting</i>, <i>Transition to MPSAS From MPERS & Cash Basis</i> dan <i>Business Consolidation</i>.</p>	
16	<p>Program IT</p> <p>Kursus <i>Audit Command Language</i>, Ms Excel, Teknik Persembahan Visual melalui <i>Adobe Photoshop</i>, <i>Digital Forensic Auditing</i>, Bengkel <i>Data Analytic Sistem iSPEKS/SPEKS</i>, Pengenalan <i>iGMAS</i> dan ePerolehan, Sistem Perakaunan Kerajaan Elektronik, <i>IT Audit for Non IT Auditor</i>, <i>Data Science for Beginner</i> dan Kursus Asas Penggunaan Insta BI.</p>	
17	<p>Program Pengurusan</p> <p>Kursus Program Transformasi Minda, Kursus Asas Juruaudit & Penolong Juruaudit, Fotografi, Intensif Peperiksaan, Pembangunan Modul, Pra-Persaraan, Pengurusan Dokumen Terperingkat, Kemahiran Komunikasi Bahasa Inggeris, Kursus <i>Strengthening Negotiation Skills: Auditor & Auditee Focus</i>, Pengurusan Emosi, Kursus Protokol Pengawai Pengiring, Kursus Etika dan Penampilan Diri, Kursus Pengurusan Fail dan Rekod, Kursus Pengurusan Kenderaan, Taklimat Kesedaran Demam Denggi dan Program Bicara Minda Bersama Ketua Audit Negara.</p>	

Bil.	Program	Bilangan Peserta
1.	Pengauditan	840
2.	Perakaunan	826
3.	Pengauditan IT	450
4.	Pengurusan	401
Jumlah		2,517

- Sebanyak tiga (3) modul e-Pembelajaran telah dimuat naik di platform *Massive Open Online Course (MOOC)*. Modul tersebut adalah *Performance Audit Course*, Pengauditan Pengurusan Aset Kerajaan dan Pengauditan Pengurusan Projek Pembinaan Berasaskan ISSAI.
- Seramai 55 pegawai JAN telah dibiayai untuk menghadiri 12 kursus/seminar/persidangan anjuran agensi luar seperti institut latihan awam/swasta dan badan profesional berkaitan pengauditan, standard perakaunan, IT dan tadbir urus.
- Program Pensijilan Profesional (PPP) telah ditawarkan kepada 11 pegawai JAN merangkumi 4 orang mengikuti *Association Chartered Certified Accountant (ACCA)*, 5 orang mengikuti *Certified Fraud Examiner (CFE)* dan 2 orang mengikuti *Certified Information System Auditor (CISA)*.
- Menerima 2 lawatan sambil belajar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) iaitu Politeknik Kota Bharu, Kelantan dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kampus Melaka.

Pencapaian Aktiviti Dan Program Latihan Kepada Pegawai Agensi Luar Sepanjang Tahun 2019

Sepanjang tahun 2019, AAN telah menghantar seramai 20 pegawai JAN sebagai penceramah jemputan di 16 Agensi Luar yang memerlukan khidmat penceramah. Di samping itu juga AAN telah melaksanakan 4 kursus berkaitan pengauditan yang dimohon oleh Agensi Luar.

KURSUS ANJURAN AAN YANG DILAKSANAKAN ATAS PERMINTAAN AGENSI LUAR



2 PROGRAM PENGAUDITAN

1. Asas Pengauditan kepada pegawai Technology Depository Agency (TDA)
2. Pengauditan Kewangan kepada pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

2 PROGRAM IT

1. Pengenalan Kepada Audit Command Language (ACL) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) & Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
2. Pengenalan Kepada Audit Command Language (ACL) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MoTac)


Pencapaian Aktiviti Dan Program Latihan Kepada Peserta Antarabangsa Sepanjang Tahun 2019

AAN aktif dalam memberi latihan kepada peserta antarabangsa sepanjang tahun 2019. Sebanyak 5 kursus antarabangsa telah dijalankan di bawah Program Antarabangsa dan Penyelarasan berdasarkan permintaan dari institusi audit negara luar. Selain dari itu juga AAN telah menerima 4 lawatan dari agensi negara luar.

KURSUS ANTARABANGSA YANG DIANJURKAN OLEH AAN TAHUN 2019



LAWATAN DARI AGENSI LUAR NEGARA KE AAN TAHUN 2019



LAWATAN DARI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)



Lawatan Sambil Belajar Politeknik Kota Bharu, Kelantan pada 22 Mac 2019



Lawatan Sambil Belajar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Melaka pada 23 April 2019

KURSUS PENGAUDITAN PRESTASI ATAS PERMINTAAN KETUA AUDIT NEGARA SRI LANKA



Performance Audit Course for National Audit Office Sri Lanka (Siri 1) pada 11 hingga 22 Februari 2019



Performance Audit Course for National Audit Office Sri Lanka (Siri 2) pada 11 hingga 22 Mac 2019



Performance Audit Course for National Audit Office Sri Lanka (Siri 3) pada 15 hingga 26 April 2019

**KURSUS PROGRAM KERJASAMA TEKNIKAL MALAYSIA
(MALAYSIAN TECHNICAL COOPERATION PROGRAMME – MTCP)**



MTCP on *Performance Audit Course* pada 19 hingga 30 Ogos 2019



MTCP on *IT Audit Course* pada 19 hingga 30 Ogos 2019

LAWATAN AGENSI DARIPADA NEGARA LUAR



Lawatan dari Delegasi *Supreme Audit Institution* (SAI) Oman pada 27 hingga 28 Mac 2019



Lawatan Delegasi *Supreme Audit Institution* (SAI) Maldives pada 24 hingga 27 Jun 2019



Lawatan Delegasi Association of Chartered Certified Accountant (ACCA), China pada 13 Ogos 2019



Lawatan dari Delegasi Audit and Inspection Training Institute (AITI), Korea pada 30 September 2019

BAHAGIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA, PENYELIDIKAN DAN QUALITY ASSURANCE REVIEW

HUBUNGAN ANTARABANGSA

Dalam usaha memartabatkan nama Jabatan Audit Negara Malaysia di persada antarabangsa, Jabatan telah melaksanakan peranan seperti berikut:

- a) Merancang, melaksana dan menjalinkan hubungan kepakaran dalam bidang pengauditan di peringkat antarabangsa bagi tujuan meningkatkan kompetensi dan kemahiran pegawai.
- b) Menjalin kerjasama dalam bidang pengauditan di peringkat serantau bagi memastikan pengauditan yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara Malaysia sentiasa berkualiti dan menepati piawaian pengauditan antarabangsa.
- c) Menerapkan budaya pengauditan terkini di Jabatan Audit Negara Malaysia

Pada tahun 2019, sebanyak 40 program/aktiviti meningkatkan jalinan kerjasama antarabangsa telah dilaksanakan bagi menyokong pencapaian visi Jabatan sebagai Institusi Audit yang lebih bebas dan profesional serta bertaraf antarabangsa merangkumi aktiviti berikut:



PORTFOLIO SEMASA JAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA



Ditubuhkan pada November 2011 di Bali, Indonesia, ASEANSAI merupakan sebuah pertubuhan serantau yang dianggotai 10 orang Ketua Audit Negara setiap negara ASEAN termasuk Malaysia. Objektif ASEANSAI adalah bagi menjalinkan kerjasama, perkongsian pengetahuan dan pembangunan kapasiti Institusi Audit di kalangan negara ASEAN.

- Malaysia mengambil alih jawatan Pengerusi ASEANSAI daripada Lao PDR bagi tempoh 2019 sehingga 2021 pada Perhimpunan ASEANSAI ke-5 pada 6 November 2019 di Kuala Lumpur, Malaysia.
- Malaysia juga berperanan sebagai ahli kepada ASEANSAI Executive Committee.
- Selain itu, Malaysia bergiat aktif sebagai *Chair of Knowledge Sharing Committee* dan ahli kepada *Strategic Planning Committee*, *Rules & Procedures Committee* dan *Training Committee*.



Malaysia merupakan salah sebuah negara pengasas Asian Organization of Supreme Audit Institutions (ASOSAI) pada tahun 1979. Keahlian semasa ASOSAI adalah 47 buah negara di Asia Pasifik. Objektif ASOSAI adalah bagi menjalinkan kerjasama, perkongsian pengetahuan dan pembangunan kapasiti Institusi Audit di kalangan negara Asia Pasifik.

- Malaysia kini berperanan sebagai ahli ASOSAI *Governing Board* sebagai *Immediate Past Chairperson*. Malaysia menganggotai ASOSAI *Governing Board* bagi tempoh 2018 hingga 2024.
- Selain itu, Malaysia juga bergiat aktif dalam ASOSAI sebagai ahli *Working Group in Environmental Auditing (WGEA)*, *Capacity Development Committee (CDC)* dan *Strategic Plan Task Force (SPTF)*.



International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI) ditubuhkan pada tahun 1953 dan dianggotai oleh 193 negara termasuk Malaysia. INTOSAI adalah organisasi autonomi, bebas dan bukan kerajaan berstatus perundingan khas dengan *Economic and Social Council of United Nations*. INTOSAI berperanan menyediakan rangka kerja bagi menggalakkan pembangunan dan pemindahan pengetahuan, memperbaiki pengauditan sektor awam di seluruh dunia.

Malaysia bergiat aktif dalam aktiviti yang dianjurkan oleh INTOSAI *Knowledge Sharing Committee (KSC)* sebagai ahli kepada *Working Group of IT Audit (WGITA)*, *Working Group of Fight Against Corruption and Money Laundering (WGFACML)* dan *Working Group of Environmental Audit (WGEA)*.

PENYERTAAN JAN DALAM PROGRAM BILATERAL PADA TAHUN 2019

BIL.	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	<i>Bilateral Visit By Dr. Peter Wilkins, Adjunct Professor, The John Curtin Institute of Public Policy</i>	Putrajaya MALAYSIA	14 Mac 2019
2.	<i>Study Visit of the Auditor General's Office of Maldives to the National Audit Department of Malaysia</i>	Negeri Sembilan MALAYSIA	24 – 27 Jun 2019
3.	<i>Bilateral Discussion between the National Audit Department of Malaysia and the State Audit Office of the Kingdom of Thailand</i>	Kuwait City KUWAIT	22 Julai 2019
4.	<i>Bilateral Discussion between the National Audit Department of Malaysia and the Board of Audit and Inspection of the Republic of Korea</i>	Kuwait City KUWAIT	22 Julai 2019
5.	<i>Bilateral Discussion between the National Audit Department of Malaysia and the Audit Board of Republic Indonesia</i>	Kuwait City KUWAIT	23 Julai 2019
6.	<i>Courtesy Visit to Mr. Adel Abdulaziz Al-Sarawi, the Acting President of State Audit Bureau of Kuwait at SAB of Kuwait's Office.</i>	Kuwait City KUWAIT	26 Julai 2019
7.	<i>Study Visit of the Audit and Inspection Training Institute of Republic of Korea (AITI) to the National Audit Department of Malaysia</i>	Putrajaya MALAYSIA	30 September 2019
8.	<i>Courtesy Call From the Auditor General of Asian Development Bank to the Auditor General of Malaysia</i>	Putrajaya MALAYSIA	15 Oktober 2019
9.	<i>19th Technical Meeting between the National Audit Department of Malaysia and The Audit Board of the Republic of Indonesia</i>	Kuala Lumpur MALAYSIA	4 – 5 November 2019
10.	<i>Bilateral Discussion between the National Audit Department of Malaysia and the National Audit Office of the People's Republic of China</i>	Kuala Lumpur MALAYSIA	7 November 2019

PENYERTAAN JAN DALAM PROGRAM ASEANSAI PADA TAHUN 2019

BIL.	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	<i>ASEAN-ASEANSAI-AIPA Joint Seminar 'Laying the Foundation for the Future Cooperation Accountability and Transparency in ASEAN'</i>	Jakarta INDONESIA	26 Februari 2019
2.	<i>ASEANSAI Knowledge System</i>	Jakarta INDONESIA	27 Februari 2019
3.	<i>Mentor in IDI-ASEANSAI Cooperative Financial Audit</i>	Hanoi, VIETNAM	18 - 22 Mac 2019
4.	<i>44th ASEAN Audit Committee (AAC)</i>	Jakarta INDONESIA	26 – 28 Jun 2019

BIL.	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
5.	<i>5th ASEANSAI Senior Officials' Meeting</i>	Vientiane LAOS	4 - 5 Julai 2019
6.	<i>The ASEANSAI Design and Development Workshop (CDDW) in Financial Audit (Phase II)</i>	Phnom Penh KEMBOJA	19 - 27 Ogos 2019
7.	<i>SAI Donor Engagement Workshop</i>	Manila FILIPINA	16 – 19 September 2019
8.	<i>Quality Assurance Review of IDI-ASEANSAI ISSAI Based Cooperative Financial Audit</i>	Putrajaya MALAYSIA	2 - 3 Disember 2019

PENYERTAAN JAN DALAM PROGRAM ASOSAI PADA TAHUN 2019

BIL.	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	<i>The 2nd Joint Meeting of Cooperative Audit and Research Project of ASOSAI WGEA</i>	Bangkok THAILAND	22 - 24 Januari 2019
2.	<i>Design Meeting for the Training Course on eLearning for ASOSAI Existing Resource Persons</i>	Tokyo JEPUN	4 - 8 Februari 2019
3.	<i>Supreme Audit Institutions Performance Measurement Framework (SAI PMF) Planning Workshop</i>	Abu Dhabi UNITED ARAB EMINATES	17 – 23 Mac 2019
4.	<i>ASOSAI Capacity Development Program on 'IT Audit' in 2018-2019 : Invitation to the Regional Audit Review Meeting</i>	Bangkok THAILAND	1 - 5 April 2019
5.	<i>Training Course on eLearning for Resource Person: IDI-Certified Training Specialists dan IDI-PSC-Certified ISSAI Facilitator</i>	Online	15 April - 12 Julai 2019
6.	<i>The 54th ASOSAI Governing Board Meeting</i>	Kuwait City KUWAIT	23 - 24 Julai 2019
7.	<i>Supreme Audit Institutions Performance Measurement Framework (SAI PMF) Review Workshop</i>	Dhaka, BANGLADESH	12 hingga 18 Oktober 2019.
8.	<i>ASOSAI Seminar on 'Quality Control/Quality Assurance'</i>	Kathmandu NEPAL	2 - 6 Disember 2019


PENYERTAAN JAN DALAM PROGRAM INTOSAI PADA TAHUN 2019

BIL.	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	<i>Evaluation Meeting - IDI Certification Programme for eLearning Specialists 2018</i>	Oslo NORWAY	14 -18 Januari 2019
2.	<i>INTOSAI WGEA: 6th International Training Programme (ITP) - International Workshop On Audit Of Waste Management.</i>	Jaipur INDIA	25 Feb. - 1 Mac 2019
3.	<i>The 5th Meeting of INTOSAI WGFACML Subgroup 2 on 'Audit of Corruption Prevention in Public Procurement'</i>	Muscat OMAN	5 - 6 Mac 2019
4.	<i>The 28th Meeting of The INTOSAI WGITA & 9th Performance Audit Seminar on IT Audit</i>	Nadi FIJI	2 - 5 April 2019
5.	<i>SAI Young Leaders International Interaction</i>	Cape Town AFRIKA SELATAN	13 - 24 Mei 2019
6.	<i>IDI SAI Fighting Corruption – Quality Assurance Meeting of Audits (ASOSAI & PASAI)</i>	Malé MALDIVES	10 - 13 September 2019
7.	<i>Quality Assurance Review of the Audit Report of Preparedness for Implementation of SDGs in National Audit Department of Malaysia</i>	Putrajaya MALAYSIA	27 -29 November 2019
8.	<i>INTOSAI CBC – Auditing in Complex and Challenging Contexts</i>	Kuala Lumpur MALAYSIA	12 hingga 13 Disember 2019

LAIN – LAIN PROGRAM ANTARABANGSA

BIL.	TAJUK PROGRAM	TEMPAT	TARIKH
1.	Pengauditan Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing di Negara Sumber	Chennai INDIA	10 - 15 Februari 2019
2.	Pengauditan Aktiviti Kawalan Terhadap Pekerja Asing di Negara Sumber	Jakarta INDONESIA	24 Februari - 1 Mac 2019
3.	<i>Program Secondment on Contracting Audit Public Accounting Firms to Audit on Behalf of Supreme Audit Institution in National Audit Department of Malaysia</i>	Putrajaya MALAYSIA	19 - 27 Julai 2019
4.	<i>13th BAI Seminar "IT Audit - Sharing SAI's best practices"</i>	Seoul KOREA SELATAN	29 April - 2 Mei 2019
5.	<i>RSOG Senior Leadership Programme (SLP): Leading Lasting Change</i>	London ENGLAND	30 November - 7 Disember 2019
6.	<i>IFAC – A Future-Ready Accountancy Profession: Developing Accountancy Capacity In Emerging Economies</i>	Kuala Lumpur MALAYSIA	10 - 12 Disember 2019

Pecahan Peserta Program Mengikut Sektor



Pencapaian Dan Impak Penglibatan Jabatan Audit Negara Di Peringkat Antarabangsa Tahun 2019

- 1 INTOSAI KSC Steering Committee – Observer**
Dilantik sebagai *observer* KSC.
- 2 ASOSAI GBM – ASEANSI Speech**
Penglibatan ASEANSI di dalam *ASOSAI Governing Board Meeting*.
- 3 Pengerusi ASEANSI**
SAI Malaysia sebagai Pengerusi ASEANSI bagi tempoh 2019 hingga 2021.
- 4 IDI Quality Assurance**
SAI Malaysia lulus cemerlang dalam QAR bagi Laporan SDGs *Preparedness* dan *Financial Cooperative Audit*.
- 5 Master Programme at Nanjing Audit University**
Berjaya dalam rundingan dengan SAI China bagi membuka lebih pencalonan kepada wakil daripada SAI Malaysia untuk menyertai program berkenaan.
- 6 Trained Resource Persons**
22 orang pegawai JAN telah berjaya dilatih di pelbagai peringkat dan bidang utama pengauditan pada tahun 2019.
- 7 Certified Resource Person**
JAN mempunyai seramai 16 orang pegawai yang diiktiraf sebagai *Resource Person* dalam pelbagai bidang di peringkat antarabangsa.

GAMBAR AKTIVITI 2019



2nd Joint Meeting of Cooperative Audit and Research Projects of ASOSAI WGEA

22 - 24 Januari 2019
Bangkok, Thailand



Evaluation Meeting - IDI Certification Programme for e-Learning Specialists 2018

14 - 18 Januari 2019
Oslo, Norway



International Workshop on "Audit of Waste Management"

25 Februari - 1 Mac 2019
Jaipur, India



*ASEAN--ASEANSAI--AIPA
Joint Seminar
26 February 2019
Jakarta, Indonesia*



*The ASEANSAI Knowledge
System Workshop
27 Februari 2019
Jakarta, Indonesia*



*The 5th Meeting of Sub--Group
2 of INTOSAI WGFACML 'Audit
of Corruption Prevention in
Public Procurement
5 - 6 Mac 2019
Muscat, Oman*



*Regional Audit Review
Meeting of ASOSAI Capacity
Development Program on IT-
Audit*
1-5 April 2019
Bangkok, Thailand



*28th Meeting of the INTOSAI
Working Group on IT Audit*
Sofitel Fiji Resort & Spa
2 - 3 April 2019
Fiji



13th BAI International Seminar
29 April - 2 Mei 2019
Seoul, Korea Selatan



*SAI Young Leaders
International Interaction
13 - 24 Mei 2019
Cape Town, South Africa*



*44TH ASEAN Audit Committee
(AAC)
26 - 28 Jun 2019
Jakarta, Indonesia*



*5TH ASEANSI Senior
Officials' Meeting
4 - 5 Julai 2019
Vientiane, Lao PDR*



Regional Audit Review Meeting of ASOSAI Capacity Development Program on IT-Audit

1-5 April 2019

Bangkok, Thailand



28th Meeting of the INTOSAI Working Group on IT Audit Sofitel Fiji Resort & Spa

2 - 3 April 2019

Fiji



19th Technical Meeting between JAN & BPKRI

4 - 5 November 2019

Kuala Lumpur, Malaysia



54th ASOSAI Governing Board Meeting
23 - 24 Julai 2019
Kuwait City, Kuwait



Bilateral Discussion Between
the National Audit Department
of Malaysia and the Audit Board
of Republic Indonesia
24 Julai 2019
Kuwait City, Kuwait



Bilateral Discussion Between
the National Audit Department
of Malaysia and the Board of
Audit and Inspection of the
Republic of Korea
24 Julai 2019
Kuwait City, Kuwait



5th ASEANSAI Summit
6 November 2019
Kuala Lumpur, Malaysia

PENYELIDIKAN

Penyelidikan berperanan menyokong usaha memacu pematapan pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN. Hasil penyelidikan yang dilakukan dapat membantu JAN dalam menyediakan kertas kajian penyelidikan/garis panduan pengauditan selaras dengan dasar Jabatan, prinsip perakaunan dan pengauditan serta amalan terbaik di dalam dan luar negara. Hasil penyelidikan juga dapat membantu memberi input kepada bahagian-bahagian lain dalam Jabatan atau kepada pihak lain yang berkepentingan. Penyelidikan yang dilaksanakan secara berterusan oleh JAN meliputi aspek-aspek berikut:

- Kajian penambahbaikan dasar dan operasi JAN
- Garis panduan
- Pematapan kebebasan JAN
- Pemantauan Hansard Parlimen, blog dan akhbar
- Kerjasama dengan badan luar
- Enterprise Architecture JAN
- Penglibatan JAN di peringkat kebangsaan

KAJIAN KEPUASAN BEKERJA WARGA JABATAN AUDIT NEGARA 2019

BIL.	PERNYATAAN	MIN
1.	Pendapat keseluruhan terhadap pengurusan organisasi/ bidang tugas	4.64
2.	Pendapat keseluruhan tentang latihan kerjaya	4.26
3.	Pendapat keseluruhan tentang penilaian prestasi	4.43
4.	Pendapat keseluruhan terhadap pengurusan atasan jabatan	4.41
5.	Pendapat keseluruhan terhadap penyelia/ketua	4.67
6.	Pendapat keseluruhan terhadap hubungan dengan rakan sekerja Sektor/Bahagian	4.89
7.	Keseluruhan kemudahan Jabatan	4.36
Tahap Kepuasan Bekerja Secara Keseluruhan		4.52

- ❖ Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti tahap kepuasan dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kepuasan bekerja warga JAN serta mengemukakan cadangan penambahbaikan dalam mewujudkan kepuasan bekerja di kalangan warga JAN.
- ❖ Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan 2 kaedah iaitu perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*) dan edaran soal selidik secara manual.
- ❖ *Output*:
 - Kepuasan bekerja warga JAN pada tahun 2019 adalah pada tahap agak berpuas hati (4.52).
 - Kajian ini mendapati bahawa 4 aspek iaitu Pihak Pengurusan, Penilaian Prestasi, Penyelia dan Beban Kerja merupakan faktor utama yang mempengaruhi kepuasan bekerja warga JAN.
- ❖ *Outcome*:
 - Dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada Pengurusan Atasan bagi menyediakan persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif serta mendorong kepada peningkatan produktiviti dan kualiti kerja warga JAN.

HARI AUDIT DAN PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN) sebagai platform perkongsian maklumat bagi meningkatkan profesionalisme dan pengetahuan warga JAN. Objektif program ini adalah untuk memupuk kesedaran terhadap peranan dan fungsi JAN dalam membantu Kerajaan memastikan wang awam diurus dengan penuh tanggungjawab dan mencapai objektif yang ditetapkan. Tema dipilih adalah ‘**Profesionalisme Juruaudit Memperkasa Akauntabiliti Awam**’. Untuk tahun 2019, program ini diadakan di Pulau Pinang pada 2 hingga 4 Oktober.

Pengisian program termasuklah sesi perkongsian pengetahuan daripada pihak Tetuan *Ernst & Young* Malaysia bertajuk *Beyond Financials - Auditing in the Digital World for Greater Transparency and Sustainability* dan forum yang membincangkan “Laporan Ketua Audit Negara & AG’s Dashboard: Pandangan Stakeholders”. Turut dilancarkan pada program tersebut adalah Garis Panduan Pengauditan (GPP) Prestasi (Edisi Kedua 2019), GPP Projek *Public Private Partnership*, Panduan Praktikal Pensampelan Pengauditan Prestasi, GPP Pematuhan, *Practice Note* Sektor Audit Kewangan, *Handbook* Pelaburan serta Panduan Pengurusan Kad Kuasa Audit Dan Pengurusan Penempatan Latihan Industri Di Jabatan Audit Negara. Pengisian lain adalah penganugerahan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas Kecemerlangan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Negeri Pulau Pinang Tahun 2018. Program kemasyarakatan dengan menanam pokok teduhan dan membersihkan pantai turut diadakan selain menyampaikan sumbangan kepada kumpulan penerima yang dikenalpasti.

GAMBAR-GAMBAR SEKITAR SAMBUTAN HARI AUDIT & PERSIDANGAN JURUAUDIT SEKTOR AWAM 2019



Perasmian Hari Audit & Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2019



Ceramah “*Beyond Financials – Auditing in the Digital World for Greater Transparency and Sustainability*”



Penganugerahan Sijil Pengiktirafan Certified Audit Instructor (CAI)



Sesi forum Laporan Ketua Audit Negara & AG's Dashboard: Pandangan Stakeholders



Majlis Makan Malam Bersama Ketua Audit Negara



Majlis Persaraan Timbalan Ketua Audit Negara (Tadbir Urus)



Program Kemasyarakatan di Pantai Bayan Mutiara, Pulau Pinang

PENGLIBATAN DI PERINGKAT KEBANGSAAN

JAN terlibat dalam dua inisiatif utama di bawah Pelan Anti-Rasuah Kebangsaan (NACP) seperti berikut:

INISIATIF	BIDANG	TEMPOH	PENYATAAN INISIATIF
1.2.3	Tadbir Urus Politik	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)	Mengukuhkan kebebasan Jabatan Audit Negara dan memberi autonomi yang lebih luas dengan meletakkannya di bawah Parlimen
1.4.3	Tadbir Urus Politik	Tempoh 1 tahun (Jan 2019-Dis 2019)	Menggesa supaya semua laporan audit dikemukakan kepada Parlimen (tanpa menyembunyikan, memalsukan dan mengubah apa-apa maklumat) dan dalam keadaan tertentu yang melibatkan keselamatan atau kepentingan negara, ia hendaklah dilaksanakan mengikut Peraturan 93 – Peraturan-Peraturan Majlis Dewan Rakyat

JAN telah melaksanakan beberapa tindakan bagi menjayakan inisiatif tersebut, antaranya adalah mengadakan perbincangan bersama Agensi Pusat berkenaan pemberian kuasa autonomi kepada JAN. Selain itu, pengauditan yang dilaksanakan oleh JAN adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan dan Laporan Ketua Audit Negara adalah dibentangkan di Parlimen.

Enterprise Architecture JAN

JAN kini dalam usaha membangunkan kerangka Enterprise Architecture (EA) bagi tujuan memantapkan fungsi pengauditan sedia ada. Kerangka EA JAN ini dibangunkan berdasarkan kepada kerangka EA yang dibangunkan oleh MAMPU meliputi penentuan strategik dan penyelarasan keupayaan Bisnes dan IT melalui pemahaman, penyelarasan dan perancangan aktiviti. Kerangka EA JAN dan kaitannya dengan matlamat EA sektor awam seperti rajah di bawah.

PERANAN JAN DALAM EA KERAJAAN

Berkongsi data dan maklumat dengan agensi kerajaan yang lain

Berperanan sebagai *check and balance* sistem akauntabiliti dalam pentadbiran Kerajaan (akauntabiliti pengurusan kewangan)

- Mengurangkan pertindihan pembangunan ICT
- Meningkatkan keupayaan agensi kerajaan dalam perkongsian maklumat
- Meningkatkan keupayaan akses pengguna kepada maklumat kerajaan
- Mengenal pasti peluang pengintegrasian perkhidmatan end-to-end pada masa hadapan
- Perancangan teknologi dan pembangunan polisi yang lebih baik dengan bersependapat dalam adopsi teknologi



- Mendefinisikan aktiviti JAN iaitu Pengauditan, Pengurusan dan Pejabat Ketua Audit Negara dengan menggunakan kaedah yang berstruktur yang meliputi aspek aktiviti/business dan teknikal
- Menambah baik proses pengauditan dan kualiti Laporan Ketua Audit Negara
- Menambah baik tadbir urus JAN dengan lebih berstruktur
- Mengurangkan jurang pembangunan ICT
- Penyediaan pengurusan risiko Jabatan

Aktiviti Yang Dijalankan Pada Tahun 2019

Bengkel Pelaksanaan EA JAN di Melaka pada bulan November 2019

Penyediaan *Capability Map* Pengauditan Prestasi

Penyediaan *Business Process Viewpoint* bagi Pengauditan Prestasi, *Application* dan *Technology Viewpoint* JAN

Penyediaan *Business Function Viewpoint*

Bengkel, Kursus dan Ceramah Pendedahan

PEWARTAAN SYARIKAT KERAJAAN UNTUK DIAUDIT

Akta Audit 1957 telah memperuntukkan tugas Ketua Audit Negara terhadap pengauditan badan lain/syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan/Negeri atau syarikat yang lebih daripada separuh modal berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi/Pihak Berkuasa Awam atau agregatnya dua daripada mereka atau lebih dengan syarat diperkenankan oleh YDPA melalui proses pewartaan.

30 September 2017 (P.U.(A)294/2017):
1,858 syarikat

30 Oktober 2013 (P.U.(A)326/2013):
1,708 syarikat

17 Disember 2009 (P.U.(A)443/2009):
379 syarikat

PEWARTAAN YANG LEPAS

- 7 DISIMPAN DALAM SISTEM EAUDIT-REPOSITORI
- 6 DIWARTAKAN OLEH JABATAN PEGUAM NEGARA MELALUI LAMAN WEB WWW.AGC.GOV.MY
- 5 DIPERKENANKAN OLEH YANG DIPERTUAN AGONG
- 4 MJM DIIBINCANGKAN DAN DILULUSKAN OLEH MESYUARAT JEMAAH MENTERI
- 3 MAKLUM BALAS JABATAN PEGUAM NEGARA DAN KEMENTERIAN KEWANGAN
- 2 PENYEDIAAN MEMORANDUM JEMAAH MENTERI (MJM)
- 1 PENGUMPULAN MAKLUMAT SYARIKAT

PEMANTAUAN HANSARD PARLIMEN, BLOG DAN AKHBAR

PEMANTAUAN *HANSARD* PARLIMEN, BLOG DAN AKHBAR



PENYATA RASMI PARLIMEN
Parliamentary Debates

Pemantauan berterusan terhadap perkara signifikan dan material berkaitan dengan Jabatan, Ketua Audit Negara Malaysia serta Laporan Ketua Audit Negara yang dibincang dan dilaporkan. Fokus pemantauan juga meliputi pengenalpastian perkara-perkara berbangkit yang berpotensi untuk diaudit.

KERJASAMA DENGAN BADAN-BADAN KAWAL SELIA / PROFESIONAL

KERJASAMA DENGAN BADAN-BADAN PROFESIONAL



- Mengajukan program bersama bagi meningkatkan profesionalisme warga JAN.
- Mengkaji dan memberi komen terhadap draf pendedahan dan dokumen perundangan lain yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan
- Menyokong badan profesional dalam program anjuran badan berkenaan.

BIL.	BADAN KAWALSELIA/ PROFESIONAL	AKTIVITI
1.	MASB	<ul style="list-style-type: none"> • Ulasan Draft Pendedahan ED/2019/2 <i>Annual Improvements to IFRS 2018-2020</i> • Ulasan Draft Pendedahan ED/2019/3 <i>Reference To The Conceptual Framework (Proposed Amendments to IFRS 3 Business Combinations)</i> • Ulasan Keputusan Agenda Tentatif Jawatankuasa Interpretasi IFRS (IFRIC) • Draft Pendedahan ED/2019/4 <i>Amendments to IFRS 17 Insurance Contracts</i> • Draft Pendedahan ED/2019/6 <i>Disclosure of Accounting Policies</i> • Ulasan Draft Soal Jawab Yayasan IFRS
2.	MIA	<ul style="list-style-type: none"> • Kunjungan Hormat ke Jabatan Audit Negara pada 6 September 2019 • Hebahkan berkenaan Persidangan Akauntan Antarabangsa MIA pada 22 – 23 Oktober 2019 • Menjadi Rakan Penyokong (<i>Supporting Organisation</i>) <i>MIA AccTech Conference 2019</i> pada 8 & 9 Julai 2019
3.	CPA AUSTRALIA	<ul style="list-style-type: none"> • Kunjungan Hormat Ahli Lembaga Pengarah CPA Australia ke Jabatan Audit Negara pada 25 September 2019
4.	ACCA	<ul style="list-style-type: none"> • Kunjungan Hormat Delegasi ACCA Malaysia bersama Presiden ACCA Global ke Jabatan Audit Negara pada 17 Julai 2019
5.	IIAM	<ul style="list-style-type: none"> • Menjadi Rakan Penyokong (<i>Supporting Organisation</i>) <i>IIA Malaysia National Conference 2019</i> daripada <i>The Institute of National Auditors Malaysia (IIAM)</i> pada 7 & 8 Oktober 2019 • Menjadi Rakan Penyokong (<i>Supporting Organisation</i>) <i>Audit Committee Conference 2019</i> pada 15 April 2019

PINDAAN AKTA AUDIT



OBJEKTIF

1

- Untuk menambahbaik mandat pengauditan dan kuasa Ketua Audit Negara di mana dalam tempoh 60 tahun (1957-2017), hanya sekali pindaan Akta audit dibuat iaitu pada tahun 1978.



AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN

2

- Mengadakan Bengkel bagi mengharmoni dan memuktamadkan cadangan pindaan Akta dan penggubalan peraturan.
- Mengadakan pembentangan Kertas Dasar cadangan pindaan Akta.
- Penyerahan Kertas Dasar Kumpulan Wang Khas Audit bagi membolehkan peratusan tertentu dari Yuran Audit yang diperolehi daripada pengauditan Penyata Kewangan terhadap akaun Persekutuan, Negeri, pihak berkuasa awam dan agensi Kerajaan disalurkan daripada Akaun Hasil Disatukan untuk digunakan bagi tujuan yang ditetapkan.
- Menyediakan draf Rang Undang-Undang (RUU) dengan mengambil kira penambahbaikan yang dibuat oleh Akta Audit luar negara seperti Brunei, Filipina, India, New Zealand, Kanada, Singapura, Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom.
- Draf RUU ini juga mengambil kira Pekeliling Kerajaan yang berkaitan.
- Perbincangan bersama Kementerian Kewangan berkenaan penubuhan Kumpulan Wang Khas Audit.
- Perbincangan bersama Setiausaha Parlimen berkenaan penubuhan Jawatankuasa Pilihan Audit.



JANGKAAN OUTPUT

3

- Pindaan Akta Audit.
- Draf Rang Undang-Undang (RUU) dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.



JANGKAAN OUTCOME

4

- Pengukuhan kepada mandat pengauditan dan kuasa Ketua Audit Negara.

SEMAKAN JAMINAN KUALITI

QUALITY ASSURANCE REVIEW

ISSAI 140 telah menggariskan dan memberi penekanan kepentingan kawalan kualiti bagi setiap institusi audit. Kawalan kualiti perlu diwujudkan dalam setiap jenis pengauditan, pengurusan sumber manusia dan kewangan serta tugas harian. Kawalan kualiti penting bagi sesebuah institusi audit supaya laporan audit yang dihasilkan berkualiti tinggi, berintegriti, boleh dipercayai, munasabah dan memberi keyakinan kepada *stakeholders*. Bagi menjamin perkara ini, ISSAI 140 telah menggariskan enam (6) elemen penting dalam kerangka kawalan kualiti seperti berikut:



OBJEKTIF QAR TAHUN 2019

Melaksanakan penilaian terhadap sistem kawalan kualiti audit supaya kawalan kualiti dilaksanakan dengan berkesan, relevan dan mencukupi bagi menjamin laporan audit yang berkualiti dan berintegriti di semua Sektor Audit dan juga Negeri.

Semakan jaminan kualiti JAN yang dilaksanakan pada tahun 2019 adalah berbentuk *pilot study* bagi menguji senarai semak yang disediakan.

FUNGSI DAN KEPENTINGAN

Menambahbaik sistem kawalan kualiti JAN.

Menilai pelaksanaan audit yang dilaporkan selaras dengan piawaian, perundangan dan amalan terbaik antarabangsa.

Memastikan laporan dan perkhidmatan JAN mematuhi piawaian profesional.


AKTIVITI QAR TAHUN 2019



PEJABAT DILAWATI



SAI Performance Measurement Framework(SAI PMF)



Country Context, Governance, and Public Financial Management Environment

Selain daripada menjalankan aktiviti semakan jaminan kualiti, Unit QAR juga telah ditugaskan untuk melaksanakan penilaian berdasarkan SAI *Performance Measurement Framework* (SAI PMF) khas untuk domain E iaitu *Human Resource and Training*. Penilaian SAI-PMF ini berkaitan dengan aktiviti QAR dari aspek pengurusan sumber manusia dan latihan. Kedua-dua aspek tersebut merupakan salah satu elemen penting dalam sistem kawalan kualiti bagi menjamin kualiti audit.

PASUKAN PANEL PAKAR RUJUK (SUBJECT MATTER EXPERT - SME)

- SME telah ditubuhkan pada 12 Julai 2013 untuk menerajui bidang-bidang pengauditan, teknologi maklumat, pengurusan kewangan dan sebagainya.
- Tujuan penubuhan SME adalah untuk membentuk budaya piramid perkongsian pengetahuan, pengalaman dan kepakaran bagi memanfaatkan ilmu pengetahuan dan pengalaman pengauditan secara berterusan.
- Buletin SME yang telah dikeluarkan sepanjang tahun 2019:
 - Buletin SME Pengauditan Syarikat Kerajaan
 - Buletin SME ICT
 - Buletin SME *Sustainable Development Goals*

PRESTASI

Pasukan Panel Pakar Rujuk JAN

Penasihat

YBrs. Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan

- Pengauditan Pengkhususan I - Fraud & Forensic
- Pengauditan Pengkhususan II - Pengauditan Berkaitan Air dan Alam Sekitar
- Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDGs)

KEWANGAN

Penasihat

YBhg. Dato' Che Isa bin Haji Che Kob

- Pengauditan Pengkhususan I - Cukai Pendapatan, Kastam & Tanah
- Pengauditan Pengkhususan II - Perolehan

SYARIKAT KERAJAAN

Penasihat

YBhg. Datuk Zulklpli bin Abdullah

JAMINAN KUALITI

Ketua Pasukan

YBrs. Dr. Nor Haiza binti Abd. Aziz@Juned

PERUNDANGAN, PERATURAN & STANDARD

Penasihat

YBhg. Datuk Zulklpli bin Abdullah

PENGURUSAN & KEWANGAN

Ketua Pasukan

YBrs. Encik Putra Nurwan Shah bin Baharuddin

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Ketua Pasukan

YBrs. Encik Y Hamdan bin Mohd Dom

BAHAGIAN PENYELARASAN DAN KOLABORASI STRATEGIK

Bahagian Penyelarasan dan Kolaborasi Strategik (BPKS) memainkan peranan utama sebagai bahagian yang menyelaras pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Pihak BPKS akan bekerjasama rapat dengan Sektor Audit Prestasi, Sektor Audit Kewangan, Sektor Audit Syarikat Kerajaan dan Jabatan Audit Negara di peringkat Negeri bagi memastikan LKAN dibentangkan di Parlimen dan DUN pada masa yang telah ditetapkan. Di samping itu BPKS juga menyelaraskan kerja percetakan LKAN yang dilakukan oleh Syarikat Percetakan Nasional Berhad. Pihak BPKS juga berkolaborasi dengan Unit Komunikasi

Korporat (UKK) dan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) bagi memastikan Kenyataan Media Ketua Audit Negara berkaitan LKAN disiarkan oleh pihak media pada waktu yang ditetapkan dan LKAN dimuatnaik ke Portal JAN tepat pada masanya.

BPKS menjadi penghubung utama antara Pejabat Ketua Audit Negara dan JAN Negeri semasa sesi semakan akhir LKAN yang akan dibentangkan. Segala maklumat dan data LKAN peringkat Negeri akan dikemas kini oleh BPKS untuk makluman KAN. Berikut adalah maklumat pengauditan dalam LKAN Tahun 2018 peringkat Negeri:

PEMBENTANGAN LKANTAHUN 2018

BIL.	JENIS PENGAUDITAN	SIRI LKAN	JUMLAH PENGAUDITAN	BILANGAN SYOR / JENIS SIJIL / PENARAFAN
1.	Aktiviti	Siri 1	15	100
		Siri 2	21	93
		Siri 3	17	72
JUMLAH			53	265
2.	Penyata Kewangan	Kerajaan Negeri	13	<ul style="list-style-type: none"> • 250 Pendapat Tanpa Teguran • 26 Pendapat Tanpa Teguran Dengan <i>Emphasis Of Matter</i> • 45 Pendapat Berteguran
		BBN	148	
		PBT	148	
		MAI	12	
JUMLAH			321	
3.	Pengurusan Kewangan	Tahun 2018	193	<ul style="list-style-type: none"> • 83 = 5 Bintang • 69 = 4 Bintang • 26 = 3 Bintang • 13 = 2 Bintang • 2 = 1 Bintang
4.	Pengurusan Syarikat	Siri 1	6	29
		Siri 2	9	40
		Siri 3	13	50
JUMLAH			28	119
JUMLAH BESAR			595	

595 Pengauditan Bagi Tahun 2018
Telah Dilaksanakan
Di Peringkat JAN Negeri

384 SYOR Telah Dikemukakan
Kementerian/Jabatan/Agensi
Negeri Yang Berkenaan

1	AKTIVITI	53 Pengauditan	265 Syor	
2	PENYATA KEWANGAN	321 Sijil Penyata Kewangan		
3	PENGURUSAN KEWANGAN	193 Pengauditan/ Penarafan		
4	PENGURUSAN SYARIKAT	28 Pengauditan	119 Syor	

Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan

BIL.	PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018	JUMLAH PENGAUDITAN	JENIS SIJIL				
			PENDAPAT TANPA TEGURAN	PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN EMPHASIS OF MATTER	PENDAPAT BERTEGURAN	PENDAPAT BERTENTANGAN	PENAFIAN PENDAPAT
1.	Kerajaan Negeri	13	13	0	0	0	0
2.	Badan Berkanun Negeri	148	109	9	30	0	0
3.	Pihak Berkuasa Tempatan	148	120	15	13	0	0
4.	Majlis Agama	12	8	2	2	0	0
JUMLAH		321	250	26	45	0	0



250

SIJIL PENDAPAT TANPA TEGURAN

- 13 Kerajaan Negeri
- 120 Pihak Berkuasa Tempatan
- 109 Badan Berkanun Negeri
- 8 Majlis Agama

26

SIJIL PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER*

- 9 Badan Berkanun Negeri
- 2 Majlis Agama
- 15 Pihak Berkuasa Tempatan

45

SIJIL PENDAPAT BERTEGURAN

- 30 Badan Berkanun Negeri
- 2 Majlis Agama
- 13 Pihak Berkuasa Tempatan

Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

BIL.	JAN NEGERI	JUMLAH PENGAUDITAN	BILANGAN PENARAFAN YANG DILAKSANAKAN			
			KEMENTERIAN/ JABATAN NEGERI	BADAN BERKANUN NEGERI	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	MAJLIS AGAMA ISLAM
1.	Johor	16	11	2	3	0
2.	Kedah	12	6	2	4	0
3.	Kelantan	12	9	1	2	0
4.	Melaka	10	6	4	0	0
5.	N. Sembilan	11	7	0	4	0
6.	Pahang	11	8	1	1	1
7.	Perak	18	10	3	5	0
8.	Perlis	7	4	2	0	1
9.	Pulau Pinang	10	7	2	1	0
10.	Sabah	29	19	5	4	1
11.	Sarawak	32	26	3	3	0
12.	Selangor	15	10	2	3	0
13.	Terengganu	10	4	2	4	0
JUMLAH		193	127	29	34	3

**TAHAP PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI KEMENTERIAN/
JABATAN/AGENSI DI 13 NEGERI**

BIL.	NEGERI	CEMERLANG	BAIK	MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN	JUMLAH
1.	Johor	4	5	3	4	0	16
2.	Kedah	5	6	0	1	0	12
3.	Kelantan	7	5	0	0	0	12
4.	Melaka	0	6	2	2	0	10
5.	N. Sembilan	5	6	0	0	0	11
6.	Pahang	4	5	2	0	0	11
7.	Perak	10	5	3	0	0	18
8.	Perlis	2	2	3	0	0	7
9.	Pulau Pinang	3	6	1	0	0	10
10.	Sabah	13	3	10	2	1	29
11.	Sarawak	24	7	0	1	0	32
12.	Selangor	5	9	1	0	0	15
13.	Terengganu	1	4	1	3	1	10
JUMLAH		83	69	26	13	2	193

TAHAP PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUNTABILITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DI 13 NEGERI


193 Pengurusan Kewangan Dilaksanakan

127
Kementerian/ Jabatan Negeri

34
Pihak Berkuasa Tempatan

29
Badan Berkanun Negeri

3
Majlis Agama Islam



Pengauditan Prestasi

JENIS PENGAUDITAN	SIRI LKAN	JUMLAH PENGAUDITAN	KATEGORI PENGAUDITAN			
			PROGRAM	AKTIVITI	PROJEK	HASIL
Aktiviti	Siri 1	15	7	2	5	1
	Siri 2	21	6	4	5	6
	Siri 3	17	7	1	6	3
JUMLAH		53	20	7	16	10

53 pengauditan prestasi di peringkat negeri



Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan

BIL.	SIRI LKAN	JUMLAH PENGAUDITAN	AMALAN TADBIR URUS KORPORAT	KEDUDUKAN KEWANGAN	PENGURUSAN AKTIVITI UTAMA SYARIKAT
1.	Siri 1	6	<ul style="list-style-type: none"> 6 syarikat kurang memuaskan 	<ul style="list-style-type: none"> 4 syarikat stabil 1 syarikat lemah 1 syarikat kurang stabil 	<ul style="list-style-type: none"> 1 syarikat tidak cekap 5 syarikat kurang cekap
2.	Siri 2	9	<ul style="list-style-type: none"> 1 syarikat amalan tadbir urus korporat baik 2 syarikat memuaskan 6 syarikat kurang memuaskan 	<ul style="list-style-type: none"> 3 syarikat kukuh 3 syarikat stabil 3 syarikat kurang stabil. 	<ul style="list-style-type: none"> 2 syarikat cekap 3 syarikat memuaskan 4 syarikat kurang cekap
3.	Siri 3	13	<ul style="list-style-type: none"> 2 syarikat baik 5 syarikat memuaskan 6 syarikat kurang memuaskan. 	<ul style="list-style-type: none"> 3 syarikat kukuh 3 syarikat stabil 7 syarikat kurang stabil. 	<ul style="list-style-type: none"> 2 syarikat cekap 3 syarikat memuaskan 4 syarikat kurang memuaskan 4 syarikat kurang cekap
28					

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI TAHUN 2019 (LKAN TAHUN 2018)

	Amalan Tadbir Urus Korporat	Kedudukan Kewangan	Pengurusan Aktiviti Utama Syarikat
Siri 1	<ul style="list-style-type: none"> • 6 syarikat kurang memuaskan 	<ul style="list-style-type: none"> • 4 syarikat stabil • 1 syarikat lemah • 1 syarikat kurang stabil 	<ul style="list-style-type: none"> • 1 syarikat cekap • 5 syarikat kurang cekap
Siri 2	<ul style="list-style-type: none"> • 1 syarikat baik • 2 syarikat memuaskan • 6 syarikat kurang memuaskan 	<ul style="list-style-type: none"> • 3 syarikat kukuh • 3 syarikat stabil • 3 syarikat kurang stabil 	<ul style="list-style-type: none"> • 2 syarikat cekap • 3 syarikat memuaskan • 4 syarikat kurang cekap
Siri 3	<ul style="list-style-type: none"> • 2 syarikat baik • 5 syarikat memuaskan • 6 syarikat kurang memuaskan 	<ul style="list-style-type: none"> • 3 syarikat kukuh • 3 syarikat stabil • 7 syarikat kurang stabil 	<ul style="list-style-type: none"> • 2 syarikat cekap • 3 syarikat memuaskan • 4 syarikat kurang memuaskan • 4 syarikat kurang cekap

Ringkasan Penemuan Audit

1

SYARIKAT AIR DARUL AMAN SDN. BHD.

- Tandatangani pada Laporan Juruaudit Bebas Penyata Kewangan SADA bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah dipalsukan.
- Penafian secara bertulis oleh Juruaudit Tetuan Hisham & Co. di mana tandatangan di Laporan tersebut bukanlah tandatangan asal Firma.
- Juruaudit tidak menerima bayaran Yuran Audit berjumlah RM164,000 bagi tahun kewangan tersebut.
- Tiada lantikan secara rasmi dikeluarkan oleh pengurusan SADA bagi tujuan pelantikan firma audit.
- Pembentangan Penyata Kewangan Beraudit kepada Lembaga dibuat oleh Setiausaha Syarikat.


2

SYARIKAT PERCETAKAN YAYASAN ISLAM TERENGGANU SDN. BHD.

- Mesin cetak recond jenama Heidelberg bernilai RM1 juta tidak boleh digunakan sejak pembelian pada tahun 2014.
- Pejabat Pendidikan Daerah Dungun telah membuat pelarasan harga dan lebihan bayaran diarah untuk diakaunkan ke akaun kelab.

UNIT INTEGRITI

Unit Integriti di JAN telah ditubuhkan berdasarkan 6 fungsi teras yang digariskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 tahun 2013 yang berkuatkuasa 1 Ogos 2013. Sepanjang tempoh tahun 2019 Unit Integriti JAN telah melaksanakan enam (6) fungsi teras dan aktiviti-aktiviti berdasarkan perincian seperti berikut.



PROGRAM PEMANTAPAN DAN NAZIRAN INTEGRITI

Unit Integriti JAN telah melaksanakan Program Pemantapan bagi tahun 2019 dengan kerjasama pihak Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Unit Psikologi JAN di tiga (3) JAN Negeri seperti berikut.

BIL.	JAN NEGERI	TARIKH	ANTARA PENGISIAN PROGRAM YANG DILAKSANAKAN
1.	Selangor	17 – 19 Jun 2019	<ul style="list-style-type: none"> Taklimat Pemantapan Integriti (tatakelakuan, tatatertib dan pengisytiharan harta) Taklimat 'Tempat Kerja Bebas Dadah' Ujian Saringan Air Kencing Taklimat Jenayah Kewangan. Taklimat Krimonologi Kewangan. Program Bersama Pegawai Psikologi JAN Sesi 'Up Close & Personal' bersama pegawai JAN
2.	Sabah	17 – 18 Julai 2019	
3.	Melaka	21 – 23 Oktober 2019	

Manakala Program Naziran telah dijalankan di empat (4) Negeri dengan kerjasama dari Sektor Pengurusan. Perincian program seperti di jadual 2.

BIL.	TEMPAT	TARIKH	ANTARA SKOP NAZIRAN INTEGRITI YANG DILAKSANAKAN
1.	JAN Negeri Selangor	17 – 19 Jun 2019	<ul style="list-style-type: none"> Pematuhan Susulan Naziran eSPKB/Audit Dalam JPM Kad Perakam Waktu Laporan Cuti Rehat/Sakit, Kebenaran Keluar Pejabat dll Buku Perkhidmatan Pengurusan Kewangan dan Perolehan Pengurusan Aset dan Stor Buku Log Kenderaan
2.	Akademi Audit Negara	24 – 27 Jun 2019	
3.	JAN Negeri Sabah	17 – 18 Julai 2019	
4.	JAN Negeri Melaka	21 – 23 Oktober 2019	

PROGRAM SPOT CHECK INTEGRITI

Sepanjang tahun 2019 Unit Integriti telah menjalankan spot check Integriti sebanyak dua puluh lima (25) kali di JAN Sektor/Cawangan/Seksyen seperti jadual 3.

BIL.	SEKTOR/CAWANGAN/SEKSYEN	TARIKH	ANTARA SKOP SPOT CHECK INTEGRITI YANG DILAKSANAKAN
1.	4 Sektor	18 November – 31 Disember 2019	<ul style="list-style-type: none">• Kad Perakam Waktu pegawai;• Keberadaan pegawai di pejabat;
2.	16 Cawangan	03 April – 31 Disember 2019	<ul style="list-style-type: none">• Rekod Cuti Rehat dan Cuti Sakit Pegawai (HRMIS/manual);• Penggunaan Borang Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja (Perintah Am 5 Bab G); dan
3.	4 Seksyen	04 – 16 April 2019	<ul style="list-style-type: none">• Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

KURSUS YANG DIANJURKAN OLEH UNIT INTEGRITI SEPANJANG TAHUN 2019

Kursus Pengurusan Tatatertib Bagi Urus Setia Peringkat Negeri Jabatan Audit Negara Pada 24 – 27 Jun 2019 di Akademi Audit Negara.



Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah / *Corruption Risk Management (CRM)* pada 19 – 21 September 2019, di Akademi Audit Negara (AAN).



Pemurnian Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Bersama Pegawai Risiko JAN pada 28 November 2019 di Bangunan JAKIM, Putrajaya.




Program Mutiara Integriti Bersama YBhg. Datuk Ketua Audit Negara pada 28 November 2019 di Bangunan JAKIM, Putrajaya.




PERISYTIHARAN HARTA

Sehingga 31 Disember 2019, JAN telah mencapai sasaran 100% dalam perisytiharan harta pegawai. Perincian permohonan adalah seperti berikut:



Sektor Audit Keuangan



PENGAUDITAN KEWANGAN

Antara pengauditan utama yang dijalankan oleh JAN dalam memastikan tahap akauntabiliti sektor awam terpelihara, wang awam diuruskan dengan cekap dan rekod perakaunan diselenggarakan dengan teratur adalah pengauditan kewangan. JAN menjalankan tiga (3) jenis pengauditan kewangan iaitu pengauditan pengesahan penyata kewangan, pengauditan pengurusan kewangan (indeks akauntabiliti) dan pengauditan pematuhan. Selain daripada itu, JAN juga melaksanakan lain-lain pengauditan melibatkan semakan kewangan iaitu pengauditan pengurusan kewangan Pejabat Perwakilan Malaysia di Luar Negara dan pengauditan secara mengejut.

MANDAT PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

JAN menjalankan pengauditan penyata kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 5 Akta Audit 1957 yang memberi mandat kepada JAN untuk memeriksa dan mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri serta Agensi Persekutuan/Negeri dilaksanakan untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan bagi tahun kewangan berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

PELAKSANAAN PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

JAN perlu melaksanakan pengauditan pengesahan penyata kewangan pada setiap tahun selaras dengan mandat yang telah diberikan. Pengesahan penyata kewangan ini merangkumi pengesahan 1 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, 13 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, 150 Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Lain serta 321 Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

Setiap penyata kewangan yang diaudit oleh JAN perlu dikemukakan mengikut tarikh yang ditetapkan sebagaimana termaktub dalam akta berkaitan. Bagi Kerajaan Persekutuan, seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada KAN untuk pengauditan sebelum 31 Julai tahun berikutnya seperti mana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan

oleh Akauntan Negara Malaysia ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

Seterusnya, bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada KAN dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

Selain daripada itu, bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) menghendaki

Badan Berkanun Persekutuan mengemukakan penyata kewangan kepada KAN untuk diaudit dalam tempoh enam (6) bulan selepas berakhir tahun kewangan berkenaan. Akta yang sama juga memperuntukkan pengauditan penyata kewangan Badan Berkanun Persekutuan adalah tertakluk kepada Akta Audit 1957.

Manakala, bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam pula, penyerahan penyata kewangan kepada KAN untuk diaudit adalah tertakluk kepada enakmen agensi berkaitan serta arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing di mana bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), seksyen 60(2)

Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki penyata kewangan disediakan apabila tamat tempoh tahun kewangan untuk membolehkan KAN mengesahkan penyata kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Bagi mempercepatkan penyediaan penyata kewangan, sebanyak 12 Kerajaan Negeri telah mengeluarkan arahan kepada semua Agensi Negeri untuk menyerahkan penyata kewangan selewat-lewatnya pada 30 April tahun berikutnya. Manakala, Kerajaan Negeri Johor pula telah mengarahkan semua Agensi mengemukakan penyata tahunan kepada JAN selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Tarikh akhir penyerahan Penyata Kewangan untuk diaudit oleh JAN adalah seperti berikut:


PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN dikemukakan **sebelum 31 Julai** tahun berikutnya

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI dikemukakan dalam **tempoh tujuh (7) bulan** selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan

PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN dikemukakan dalam **tempoh enam (6) bulan** selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan

PENYATA KEWANGAN BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN, PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN MAJLIS AGAMA ISLAM dikemukakan **selewat-lewatnya pada 30 April** tahun berikutnya kecuali Agensi Kerajaan Negeri Johor yang perlu mengemukakan **selewat-lewatnya pada 31 Mac** tahun berikutnya.

Seterusnya, JAN akan mengesahkan Penyata Kewangan, mengeluarkan Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Penyata Kewangan dan menyiapkan Laporan Audit dalam tempoh empat bulan selepas penerimaan Penyata Kewangan Tahunan, tertakluk kepada semua akaun dan maklumat telah dikemukakan dengan lengkap untuk diaudit. Terdapat 5 jenis pendapat audit yang akan diberikan JAN berdasarkan pengauditan yang dijalankan seperti berikut:



Perenggan *Emphasis Of Matters* (EOM), Hal-hal Lain (*Other Matter*) dan Perkara Audit Utama (*Key Audit Matter*) boleh dimasukkan sekiranya terdapat keperluan namun perenggan ini tidak menjejaskan pendapat Audit.

- ISSAI 1701, 1705, 1706

Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan Tahun Kewangan 2018

Pada tahun 2019, JAN telah mengesahkan sebanyak 150 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Kumpulan Wang Persekutuan, Akaun Amanah dan Agensi Persekutuan. Manakala pada peringkat Kerajaan dan Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam pula, JAN telah mengesah sebanyak 321 Penyata Kewangan. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Pengesahan Penyata Kewangan telah dibentangkan di Parlimen pada 14 Oktober 2019 dan 2 Disember 2019. Pecahan bilangan Pengauditan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Agama Islam dan Agensi dibawahnya adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018



Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)


JAN menjalankan pengauditan pengurusan kewangan selaras dengan kehendak Perkara 106 dan 107, Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 6 Akta Audit 1957 dan piawaian yang diluluskan iaitu International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI). Pengauditan pengurusan kewangan dilaksanakan bagi menentukan sama ada Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini membolehkan JAN memantau prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri yang diaudit dan memberi pandangan bagi menambah baik pengurusan kewangannya.

JAN telah memperkenalkan sistem penarafan indeks akauntabiliti mulai tahun 2007 bagi melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan yang dijalankan. Ia sebagai satu usaha untuk meningkatkan tahap motivasi Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri supaya lebih gigih memperbaiki, mempertingkatkan dan memperkasakan prestasi pengurusan kewangan masing-masing. Selaras dengan Pekeliling Ketua Audit Negara Bilangan 1 Tahun 2016, JAN telah menambahbaik penarafan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) daripada 4 bintang kepada 5 bintang mulai tahun 2016.

Dalam memberi penarafan terhadap pengurusan kewangan ini, JAN akan menyemak dan membuat penilaian berdasarkan lapan kawalan utama bagi Kementerian/Jabatan Persekutuan/Negeri dan sembilan kawalan utama bagi Agensi Persekutuan/Negeri. Pelaksanaan pengauditan pengurusan kewangan (AI) ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu, wajib, pusingan dan *accross the board*.

Pada tahun 2019, JAN telah melaksanakan sebanyak 247 Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) terhadap Kementerian/ Jabatan/ Agensi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi tahun kewangan 2018. Maklumat penarafan tahap pengurusan kewangan tahun 2018 adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN (INDEKS AKAUNTABILITI) TAHUN 2018



BILANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN/AGENSI MENGIKUT PENARAFAN BINTANG



Pengauditan Pematuhan

Pengauditan Pematuhan buat pertama kalinya diperkenalkan pada tahun 2019 sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standard of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000* dan *ISSAI 4100*. Pengauditan Pematuhan dilaksanakan terhadap Kementerian/ Jabatan/ Agensi Persekutuan dan Negeri merangkumi tiga (3) bidang utama iaitu geran, pelaburan dan perolehan bagi mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

Pada tahun 2019, JAN telah melaksanakan tiga (3) tajuk Pengauditan Pematuhan merangkumi pengurusan geran, pelaburan dan perolehan di 33 Agensi di bawah kawal selia 10 Kementerian melibatkan sejumlah RM5.748 bilion peruntukan kerajaan. Butirannya adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN PEMATUHAN AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2019



PENYERAHAN PENYATA KEWANGANDAN MESYUARAT EXIT CONFERENCE



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pada 22 Julai 2019



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sembilan pada 24 Mei 2019



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sarawak pada 18 April 2019



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan pada 2 Mei 2019



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 25 April 2019



Exit Conference Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada 3 Mei 2019



Penyampaian Sijil Ketua Audit Negara Kepada Kerajaan Negeri Johor pada 14 Oktober 2019



Penyampaian Sijil Ketua Audit Negara Kepada Kerajaan Negeri Kedah pada 3 September 2019



Exit Conference Penyata Kewangan Bank Rakyat pada 26 Mac 2019



Exit Conference Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional pada 27 Mac 2019



Exit Conference Penyata Kewangan Perbadanan Johor pada 28 Mac 2019



Exit Conference Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada 17 Mei 2019

Sektor Audit Prestasi




PENGAUDITAN PRESTASI

Pengauditan prestasi dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berasaskan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Pengauditan prestasi merupakan suatu pemeriksaan yang bebas, objektif dan boleh dipercayai bagi menentukan sistem, operasi, program, aktiviti Kerajaan atau organisasi beroperasi mengikut prinsip ekonomi, cekap dan berkesan serta mempunyai ruang untuk penambahbaikan. Antara tujuan pengauditan adalah untuk menyemak sasaran *output* dan *outcome* yang ditetapkan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi adalah tercapai seperti yang ditetapkan. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi aspek pengurusan aktiviti/ program/ pengurusan dana pembinaan dan ICT.

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Dalam tahun 2019, Sektor Audit Prestasi menerima peruntukan sejumlah RM1,359,853.00 mengikut objek di bawah OS21000. Sebanyak RM1,243,504.00 iaitu 91.20 peratus telah dibelanjakan bagi melaksanakan aktiviti pengauditan. Tahun 2019 JAN telah melaporkan sebanyak 96 Pengauditan Prestasi terhadap program/ aktiviti/ projek di bawah Kementerian/ Jabatan/ Badan Berkanun Persekutuan dan Kementerian/ Jabatan/ Agensi Negeri dalam LKAN Tahun 2018 yang telah diterbitkan dalam tiga (3) siri. Sebanyak 485 syor telah dikeluarkan bagi tindakan pembetulan/ penambahbaikan oleh Ketua Jabatan Agensi yang berkaitan. Butirannya adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN PRESTASI TERHADAP PROGRAM/ AKTIVITI/ PROJEK KERAJAAN PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018



PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

Pada peringkat Kerajaan Persekutuan, JAN telah melaksanakan sebanyak 43 pengauditan prestasi terhadap program/ aktiviti/ projek di bawah Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Persekutuan. Pecahan bilangan pengauditan prestasi mengikut kementerian adalah seperti berikut:

BILANGAN PENGAUDITAN PRESTASI MENGIKUT KEMENTERIAN

BIL.	KEMENTERIAN	SIRI 1	SIRI 2	SIRI 3	JUMLAH
1.	Jabatan Perdana Menteri	2	-	2	4
2.	Kementerian Kewangan	2	2	2	6
3.	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Makanan)	1	2	1	4
4.	Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli	1	-	-	1
5.	Kementerian Dalam Negeri	1	-	2	3
6.	Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	1	-	-	1
7.	Kementerian Kesihatan Malaysia	1	-	-	1
8.	Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia	2	-	-	2
9.	Kementerian Pertahanan	2	-	-	2
10.	Kementerian Pendidikan	6	2	2	10
11.	Kementerian Hal Ehwal Ekonomi	-	1	-	1
12.	Kementerian Kerja Raya	-	1	1	2
13.	Kementerian Industri Utama	-	1	-	1
14.	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	-	1	2	3
15.	Kementerian Belia dan Sukan	-	1	-	1
16.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia	-	1	-	1

BILANGAN PENGAUDITAN PRESTASI YANG DILAPORKAN MENGIKUT BIDANG

LKAN Tahun 2018 menunjukkan kos keseluruhan aktiviti Kerajaan yang diaudit adalah RM822.05 bilion bagi 43 kajian. Pecahan kos yang melibatkan aktiviti pembinaan adalah RM58.70 bilion, aktiviti pengurusan dana berjumlah RM17.59 bilion dan pelbagai program/aktiviti lain adalah RM744.99 bilion manakala kajian sistem ICT berjumlah RM0.77 bilion.

PENGAUDITAN PRESTASI MENGIKUT KATEGORI (LKAN 2018)



PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT KERAJAAN NEGERI

Pada peringkat Kerajaan Negeri, JAN telah melaporkan sebanyak 53 pengauditan prestasi yang dilaksanakan terhadap program/ aktiviti/ projek di bawah Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Badan Berkanun Negeri. Pecahan bilangan pengauditan prestasi peringkat Negeri mengikut kategori/ bidang adalah seperti berikut:

PENGAUDITAN PRESTASI PERINGKAT NEGERI MENGIKUT KATEGORI (LKAN 2018 SIRI 1-3)

SIRI LKAN	KATEGORI/ BIDANG		
	PROGRAM/ AKTIVITI	PROJEK	HASIL
Siri 1	9	5	1
Siri 2	10	5	6
Siri 3	8	6	3
JUMLAH	27	16	10

PENDEKATAN BAHARU PENGAUDITAN PRESTASI

Beberapa pendekatan baharu telah dilaksanakan dalam pengauditan prestasi dalam tahun 2019 iaitu amalan prinsip *inclusivity*, *continuous auditing* dan penyemakan aspek teknikal yang komprehensif.

Pendekatan *Inclusivity* Dalam Pelaksanaan Pengauditan.

Pelaksanaan pengauditan prestasi melibatkan pendekatan *inclusivity* iaitu proses *engagement* bersama *stakeholders* yang mempunyai dua (2) perspektif iaitu dari aspek pengurusan dan *stakeholders*. Dari aspek pengurusan, proses *engagement* digunakan untuk memahami *business* auditee dan menggalakkan proses koordinasi serta komunikasi dalam pelaksanaan pengauditan. Dari aspek *stakeholders* pula, proses *engagement* menyediakan ruang kepada mereka untuk memberi input dan menggalakkan kesedaran *ownership* terhadap sesuatu projek kerajaan. Proses *engagement* direalisasikan melalui *Town Meeting* yang berasal dari New England, United Kingdom pada kurun ke-17. *Town Meeting* kemudiannya dikenali sebagai Mesyuarat *Town Hall* merupakan platform di mana ahli politik di semua peringkat hadir untuk membincang dan membahaskan perkara yang berkaitan dengan undang-undang atau peraturan yang berkaitan. Ia juga memberi peluang kepada peserta yang dijemput hadir untuk mengemukakan idea, menyuarakan pendapat dan komen serta melontarkan pertanyaan kepada tokoh masyarakat, pegawai terpilih atau calon politik di mesyuarat tersebut.

Antara kajian yang menggunakan pendekatan *inclusivity* ialah Kajian Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*). Terdapat enam (6) projek dan salah satu projek iaitu Taman Khazanah Indah, Lahad Datu, Sabah merupakan projek sakit dan tergendala. Bagi memastikan status pencapaian terkini kemajuan kerja projek tersebut, pasukan Audit telah mengadakan lawatan fizikal dari 24 hingga 28 Jun 2019 bagi membolehkan penyemakan dokumen, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan penghuni/pembeli. Analisis juga telah dibuat berdasarkan maklum balas Borang Soal Selidik yang diedarkan dan diterima.

Selaras dengan pendekatan *inclusivity*, satu sesi mesyuarat yang berteraskan konsep *Town Hall* telah diadakan antara Jabatan Audit Negara bersama pegawai dari Jabatan/Agensi dan pemaju. Mesyuarat *Town Hall* tersebut telah diadakan pada 26 Jun 2019 (Rabu) bagi membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan pelaksanaan Projek Perumahan Taman Khazanah Indah yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi).

Stakeholders yang hadir adalah Jabatan Perumahan Negara (JPN), semua jabatan/agensi terlibat yang terdiri daripada:

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT);
- Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah (KKTP);
- Majlis Daerah Lahad Datu, Sabah (MDLD);
- Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB); dan
- Khazanah Jaya Sdn Bhd (pemaju projek perumahan Taman Khazanah Indah, Lahad Datu, Sabah)



Sesi 'Town Hall' untuk Projek Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako, Kuching, Sarawak dihadiri oleh wakil Persatuan Nelayan, peniaga dan nelayan kawasan Kuching bertempat di Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako, Kuching, Sarawak.

Rentetan daripada kejayaan dan *outcome* pelaksanaan Mesyuarat *Town Hall* untuk Kajian Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome), Mesyuarat *Town Hall* bagi Pengauditan Pengurusan Projek Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako Sarawak Secara Inisiatif Pembiayaan Swasta Melalui Kaedah Bina-Pajak-Senggara-Pindah telah diadakan pada 7 Ogos 2019.

Sesi 'Town Hall' untuk Projek Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako, Kuching, Sarawak dihadiri oleh wakil Persatuan Nelayan, peniaga dan nelayan kawasan Kuching bertempat di Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako, Kuching, Sarawak. Ahli panel sesi *Town Hall* terdiri daripada YBr. Tuan Haji Khalid Khan Bin Abdullah Khan, Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi), YBr. Encik Jamaludin Bin Othman,

Ketua Pengarah LKIM serta Encik Nor Hisham Bin Ibrahim, Setiausaha Bahagian, Bahagian Pelaburan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sesi ini turut dihadiri bersama oleh Pengarah Audit Prestasi Bahagian III, Encik Mohd Marzuni bin Muhamad, pasukan Audit Cawangan Pengangkutan dan pegawai Bahagian Teknikal JAN.

Tujuan sesi ini dilaksanakan adalah untuk mewujudkan dan menggalakkan interaksi dua hala antara pegawai Audit bersama Persatuan Nelayan dan nelayan kawasan Kuching.

Selain itu, sesi ini juga memberi peluang kepada wakil Persatuan Nelayan, peniaga dan nelayan kawasan Kuching mengutarakan masalah yang dihadapi dengan bebas kepada pihak Audit.



Lokasi: Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako, Kuching, Sarawak
Sesi Town Hall Jabatan Audit Negara bersama Wakil Persatuan Nelayan dan Nelayan Kawasan Kuching

Faedah Sesi Town Hall Dari Perspektif JAN

- Meningkatkan kefahaman masyarakat tentang peranan JAN dalam meningkatkan tadbir urus sektor awam.
- JAN dilihat sebagai sebuah institusi yang berwibawa dan objektif.
- Meningkatkan keberkesanan Laporan Ketua Audit Negara yang dikeluarkan:
- Sebab utama (*root cause*) projek tidak digunakan berjaya dikenal pasti.
- Syor Audit yang lebih praktikal dan relevan.
- Berperanan sebagai suara yang dipercayai untuk perubahan yang berfaedah (*credible voice for beneficial change*).

Faedah Sesi Town Hall Dari Perspektif Stakeholders

- Persatuan Nelayan, peniaga dan nelayan sekitar Kuching mempunyai saluran alternatif untuk membuat aduan.
- Persatuan Nelayan, peniaga dan nelayan bebas menyampaikan masalah yang dihadapi di Pelabuhan Perikanan Tanjung Bako.



Lokasi: Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako, Kuching, Sarawak
Lawatan sekitar jeti di pelabuhan perikanan bersama wakil LKIM



Lokasi: Pelabuhan Perikanan LKIM Tanjung Bako, Kuching, Sarawak
Sesi Bergambar Jabatan Audit Negara bersama wakil LKIM, wakil Persatuan Nelayan dan nelayan sekitar Kuching

Pengauditan Berunsurkan *Extensive* Dalam Aspek Teknikal

Sepanjang tahun 2019, Bahagian Teknikal telah melaksanakan pengauditan sebanyak 26 pengauditan merangkumi pengauditan persekutuan dan negeri. Pada tahun 2020, pengauditan Bahagian Teknikal telah berevaluasi ke arah pengauditan yang mengutamakan pengauditan prestasi (*performance audit*) berlandaskan kepada 3 perkara penting sesuatu projek diwujudkan iaitu MASA, KOS DAN KUALITI. Namun demikian, skop pengauditan prestasi teknikal adalah pada peringkat pos-kontrak sahaja. Terdapat 3 elemen penting dalam melaksanakan pengauditan prestasi



teknikal iaitu :


Pengauditan prestasi teknikal yang telah dilaksanakan adalah terhadap pengauditan projek jalan. Terdapat beberapa Indikator Prestasi yang boleh digunakan dalam melaksanakan pengauditan prestasi projek jalan dan salah satunya ialah *International Roughness Index (IRI)*.

INDIKATOR PRESTASI : *INTERNATIONAL ROUGHNESS INDEX (IRI)*

International Roughness Index (IRI) adalah index yang digunakan sebagai penunjuk kepada kekasaran permukaan jalan. Nilai IRI mempengaruhi tahap penyelesaian kepada pemanduan. IRI diukur dengan menggunakan 'Road Scanner Profiler'.

ASAS ANALISIS PENGAUDITAN : '*SPECIFICATION CONFORMITY ANALYSIS*' (SCA)

Analisa terhadap data IRI dibuat berdasarkan kepada '*Specification Conformity Analysis*' (SCA) yang dikeluarkan oleh *U.S Department of Transportation Federal Highway Administration*. Melalui prosedur SCA ini, tahap atau '*degree of conformity*' terhadap keperluan spesifikasi seperti yang dinyatakan di dalam kontrak dapat ditentukan.



OUTPUT PRESTASI : TAHAP KESELESAAN PEMANDUAN

Merujuk kepada *Code of Practice JKR*, IRI yang mencapai tahap melebihi 85% telah mencapai '*Degree of Conformity*'.

Penerbitan *Standard Operating Procedure (SOP)* Bahagian Teknikal yang dilancarkan pada 10 Oktober 2018 pada Hari Audit dan Persidangan Juruaudit Sektor Awam 2018 di Negeri Kelantan sebagai panduan proses kerja dan keperluan Bahagian Teknikal dalam menghasilkan Laporan Ketua Audit Negara yang berkualiti.

CONTOH GAMBAR JALAN YANG DI AUDIT



Pendekatan *Continuous Auditing* Dalam Pengauditan Prestasi

Jabatan Audit Negara terus komited dalam mentransformasikan pengauditannya selaras dengan situasi semasa bagi memastikan setiap pengauditan dapat memberi impak dan nilai tambah kepada *stakeholders*.

Selaras dengan aspirasi Ketua Audit Negara YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid yang sering kali menitikberatkan inovasi dalam pengauditan, pendekatan *continuous auditing* turut menjadi antara inovasi yang diperkenalkan dalam pengauditan prestasi di Sektor Audit Prestasi. Di bawah pimpinan YBrs. Tuan Haji Khalid Khan Bin Abdullah Khan, Sektor Audit Prestasi telah menginovasi pendekatan *continuous auditing* dalam pengauditan prestasi terutamanya melibatkan projek mega yang dilaksanakan oleh Kerajaan.

Sering kali, *continuous auditing* dikaitkan dengan pengauditan kewangan yang dilaksanakan oleh Juruaudit Swasta

mahu pun Juruaudit Sektor Awam. *Continuous auditing* juga kerap dikaitkan dengan penggunaan teknologi dan direka untuk mengautomatiskan prosedur audit. Secara prinsipnya, *continuous auditing* adalah merujuk kepada pengauditan yang dilaksanakan secara berterusan (*real time*) melibatkan penilaian terhadap kawalan dalaman serta pematuhan kepada polisi dan prosedur.

Di JAN, pendekatan ini telah digunakan sejak tahun 2016, apabila Kerajaan telah memberikan mandat melalui Jemaah Menteri untuk JAN terlibat bersama untuk melaksanakan *oversight* Audit secara *real time* terhadap projek mega. Ia adalah satu pendekatan secara berterusan untuk menilai kemajuan serta kualiti pelaksanaan projek Kerajaan secara *on-going basis*. Penglibatan JAN dalam projek mega ini adalah melalui pelantikan sebagai Jawatankuasa Pemandu/Eksekutif atau pun peranannya dinyatakan dalam mana-mana klausa perjanjian antara pihak Kerajaan dengan agensi pelaksana serta berdasarkan permintaan *stakeholders* dari semasa ke semasa.

Tujuan utama pendekatan *continuous auditing* dalam pengauditan prestasi adalah untuk memenuhi hasrat Kerajaan agar pelaksanaan projek diuruskan secara berkesan bermula dari peringkat awal perancangan atau pelaksanaan. *Continuous auditing* yang dilaksanakan oleh JAN perlu selaras dengan kuasa, tugas dan skop yang dinyatakan dalam klausa perjanjian atau terma rujukan pelantikan KAN/JAN menganggotai sesebuah jawatankuasa. Bagaimanapun pihak JAN tidak terlibat dalam pengurusan dan operasi Jabatan/Agensi dan skop pengauditan tidak ditentukan oleh mana-mana pihak.

Sehingga 31 Disember 2019, JAN telah terlibat secara aktif dalam *continuous auditing* melibatkan empat (4) projek seperti di bawah.

NAMA PROJEK	NILAI PROJEK
Projek Kerajaan Persekutuan di <i>Pengerang Integrated Petroleum Complex</i> (PIPC)	RM2.49 billion
Pengurusan Sistem MRT	RM23.63 billion
Pan Borneo, Sabah	RM12.86 billion
Pan Borneo, Sarawak	RM16.754 billion

Secara spesifiknya, kini JAN terlibat secara aktif dalam pengauditan terperinci melibatkan projek persekutuan di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (*Pengerang Integrated Petroleum Complex – PIPC*). Pembangunan di PIPC merupakan satu inisiatif bersama oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor. Pembangunan ini adalah salah satu Bidang Keberhasilan Ekonomi Negara (NKEA) bertujuan merangsang pertumbuhan sektor hiliran minyak dan gas Malaysia serta menjadi sempadan baru dalam bidang teknologi dan pembangunan ekonomi.

Pembangunan PIPC ini dipantau oleh Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor Berhad (Johor Petroleum Development Corporation Berhad - JPDC). JPDC ditubuhkan pada 9 April 2012 sebagai sebuah agensi persekutuan dan anak syarikat milik penuh Malaysia Petroleum Resources Corporation (MPRC). JPDC bertanggungjawab untuk menyelaras, memudahkan cara, merancang dan mengawasi pelaksanaan projek kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan syarikat swasta.

Jawatankuasa Pemantauan dan Pelaksanaan Projek-Projek Persekutuan / *Federal Project Steering Committee* (FPSC) telah ditubuhkan pada 4 September 2014 dan mesyuarat FPSC dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan bermesyuarat bergantung kepada keperluan dari semasa ke semasa. Ketua Audit Negara Malaysia telah dilantik sebagai ahli tetap FPSC pada 12 November 2014 sebagai satu pendekatan pengauditan secara *on-going basis* yang juga dikenali sebagai *continuous auditing* melibatkan pengauditan prestasi.

Pembangunan PIPC melibatkan seluas 22,904 ekar tanah di mana 10,805 ekar (47.0%) tanah telah dibangunkan. Peratus keluasan tanah bagi enam (6) pembangunan oleh pelabur adalah antara 0.3% hingga 27.0% dengan nilai pelaburan berjumlah RM137.27 bilion. Pelabur utama di PIPC adalah terdiri daripada PETRONAS *Pengerang Integrated Complex* (PIC), *Pengerang Deepwater Terminal* (PDT), *Sungai Rengit Industrial Estate* (SRIE), *Pengerang Industrial Park* (PIP) dan *Pengerang Maritime Industrial Park* (PMIP) serta Kerajaan Persekutuan.

Setakat 31 Disember 2019, sejumlah 25 projek infrastruktur dan kemudahan awam oleh Kerajaan Persekutuan telah dan sedang dilaksanakan mulai 2014 melibatkan kos kontrak RM1.69 bilion. Prestasi fizikal projek adalah 96.97% di mana sebanyak 22 projek telah disiapkan dan tiga (3) projek lagi dalam pembinaan. Butiran ringkas projek – projek Kerajaan persekutuan adalah seperti di bawah.

BIL.	NAMA PROJEK	STATUS PELAKSANAAN
1.	Pusat Kegiatan Komuniti	Siap
2.	Sistem Retikulasi Air & Tangki Air Menegak	Siap
3.	Tabika KEMAS	Siap
4.	Kompleks Perikanan LKIM Pengerang (Fasa 1)	Siap
5.	Klinik Kesihatan Taman Bayu Dama	Siap
6.	Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Tai Sin	Siap
7.	Sekolah Kebangsaan Sungai Kapal	Siap
8.	Membina Jalan Baharu dari FT092 ke Pularek	Siap

BIL.	NAMA PROJEK	STATUS PELAKSANAAN
9.	Balai Polis Taman Bayu Damai	Siap
10.	Menaiktaraf Jalan FT092 Pakej A	Siap
11.	Menaiktaraf Jalan FT092 Pakej B	Siap
12.	Klinik Kesihatan dan Perkhidmatan Khas Sg. Rengit	Siap
13.	Kompleks Perikanan LKIM Pengerang (Fasa 2)	Siap
14.	Balai Bomba dan Penyelamat Punggai	Siap
15.	Pusat Anak Permata Negara	Siap
16.	SMK Pengerang Utama	Siap
17.	Pembinaan Jalan Baharu P1	Siap
18.	Pembinaan Jalan Baharu P2	Siap
19.	Balai Bomba dan Penyelamat Sebana Cove	Siap
20.	Balai Bomba dan Penyelamat Sg. Rengit	Siap
21.	Pembinaan Jalan Baharu P3	Siap
22.	Pembinaan Jalan Baharu P4	Siap
23.	Sistem Saliran Pakej 1	Siap
24.	Sistem Saliran Pakej 2	Dalam Pembinaan
25.	Projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Pengerang	Dalam Pembinaan

Sehingga 31 Disember 2019, JAN telah mula menjalankan pengauditan melibatkan dua (2) projek di PIPC seperti berikut:

- i. Pengurusan Pembinaan Projek PPR Pengerang
- ii. Pengurusan Projek Menaik Taraf Jalan dan Pembinaan Jalan Baru di PIPC

Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) telah mengadakan lawatan kerja ke projek-projek Kerajaan Persekutuan di PIPC serta telah mengadakan perbincangan bersama dengan pelabur dan komuniti di PIPC. Antara projek dan pelabur yang dilawati adalah seperti di gambar-gambar berikut:



Penerangan secara ringkas mengenai pembangunan PIPC semasa kepada TKANP di Pusat Informasi Setempat Pengerang (PISP)



Taklimat JPDC kepada TKANP mengenai Pembangunan PIPC



Tandatangan penghargaan oleh TKANP di PISP



Gambar bersama TKANP dengan *stakeholders* Kerajaan Persekutuan di PISP



IKRAM Road Scanner (IRS) yang dibawa oleh IKRAM Paves Sdn. Bhd. untuk Ujian IRI bersama TKANP di rangkaian jalan di PIPC



"Compact Work Station" yang menyimpan dan memaparkan data individu bagi keadaan permukaan jalan seperti "roughness", "rutting", "texture" dan "surface condition" serta video berdefinisi tinggi bagi imej jalan dan "roadside assets".



Projek Pembinaan Sistem Saliran R2 yang dilaksanakan oleh JPS Malaysia yang berkongsi *Right of Way* dengan jajaran projek jalan P2



Pengarah JPS Negeri Johor memberi pencerahan mengenai projek pembinaan sistem saliran di PIPC kepada TKANP



Gambar bersama TKANP dengan *stakeholders* Persekutuan di sempadan cerun berbatu antara jajaran jalan P3 dan sistem saliran R1



Penerangan secara ringkas mengenai cerun berbatu dan penyelesaian pada masa akan datang kepada TKANP



Taklimat ringkas oleh Pengarah Pasukan Projek Khas PIPC dan Pengarah JPS Johor mengenai permasalahan perpindahan kawasan nelayan



Taklimat ringkas oleh wakil LKIM di Kompleks Perikanan LKIM, Pengerang



Lawatan TKANP ke tapak pembinaan PPR Kechil Pengerang



Penerangan ringkas mengenai projek PPR Kechil Pengerang oleh wakil KPKT



Ucapan penghargaan oleh TKANP semasa lawatan ke Pengerang Deepwater Terminal (PDT), Dialog Group Berhad



Sesi gambar bersama di pusat kawalan terminal PDT, Dialog Group Berhad



Pandangan "sky-view" kawasan PDT dan Petroleum Integrated Complex (PIC)




Penjelasan ringkas mengenai operasi PDT di "sky deck" bangunan PDT



Sambutan kedatangan TKNP ke PIC Petronas oleh wakil Petronas



Gambar bersama di lobi PIC Petronas



Gambar pelawat Petronas dipancarkan menggunakan teknologi "artificial intelligence"



Lawatan dan taklimat ringkas mengenai perkembangan dan business nature di PIC Petronas



Sesi "Hands-on" teknologi AI bagi mengenali proses petrokimia



Penerangan ringkas oleh wakil Petronas kepada TKANP mengenai produk petroleum



Sesi *Townhall* antara Jabatan Audit Negara dengan wakil *stakeholders* Kerajaan Persekutuan dan Negeri



Sesi *Townhall* antara Jabatan Audit Negara dengan wakil Persatuan Nelayan dan komuniti Pengerang

Pengauditan Berasaskan *Sustainable Development Goals*

Sustainable Development Goals (SDGs) merupakan teras agenda 2030 bagi pembangunan mapan yang dipersetujui oleh Ketua-ketua Negara dan masyarakat antarabangsa pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). SDGs merupakan kesinambungan agenda pembangunan yang diteruskan selepas berakhirnya *Millennium Development Goals (MDGs)* pada tahun 2015. MDGs mempunyai lapan (8) matlamat dan 21 sasaran manakala SDGs diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran dengan matlamat bagi meneruskan agenda 2030 iaitu mencapai keseimbangan dalam tiga dimensi pembangunan mapan meliputi sosial, ekonomi dan alam sekitar secara holistik. Pembangunan lestari bukan hanya agenda alam sekitar, ia adalah juga agenda kesejahteraan komuniti dan pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh. 17 matlamat SDGs adalah seperti berikut:

17 MATLAMAT SDGS



Pencapaian sasaran matlamat SDGs melibatkan Pendekatan Keseluruhan Kerajaan (*Whole Government Approach*). Pendekatan Keseluruhan Kerajaan merupakan pendekatan bersepadu yang memerlukan Kementerian/Jabatan/Agensi bekerja merentasi sempadan *portfolio* masing-masing bertujuan untuk meningkatkan integrasi, penyelarasan dan kapasiti seterusnya memastikan matlamat SDGs dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

Pengauditan Berkonsepkan *Sustainable Development Goals (SDG)*

Pengauditan berkonsepkan SDGs adalah pengauditan terhadap pelaksanaan ke atas polisi yang akan menyumbang kepada pencapaian sasaran nasional yang dipersetujui, sama ada bagi satu atau lebih sasaran SDGs yang ditetapkan. Secara kesimpulannya pengauditan ini adalah mengenai kemajuan pencapaian sasaran SDGs yang dipersetujui secara nasional; sejauh mana kemungkinan sasaran tersebut dapat dicapai berdasarkan keadaan semasa; dan kecukupan sasaran nasional dibandingkan dengan sasaran SDG. (IDI's SDGs Audit Model, Mac 2020)

Supreme Audit Institutions (SAIs) sebagai pihak yang bebas bertanggungjawab untuk menjalankan pengauditan terhadap pelaksanaan SDGs serta memberikan pandangan terhadap pencapaian sasaran nasional yang telah dipersetujui. Oleh kerana pencapaian sasaran nasional adalah satu proses jangka panjang, pengauditan dilaksanakan terhadap kemajuan pencapaian sasaran yang berkaitan dan memberi pandangan sejauh mana sasaran tersebut mampu dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Dalam melaksanakan pengauditan tersebut, SAIs adalah tertakluk untuk mematuhi proses kerja sebagaimana yang ditetapkan dalam *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 300 dan 3000*.

Selaras dengan itu, peranan Jabatan Audit Negara (JAN) adalah penting untuk melaksanakan penilaian dan melaporkan pelaksanaan program/aktiviti/projek berkaitan dengan SDGs di samping memberi pandangan terhadap kemajuan pencapaian sasaran matlamat SDGs di Malaysia. Oleh itu, Sektor Audit Prestasi telah mengambil inisiatif menerapkan matlamat SDGs dalam pengauditan prestasi yang dilaksanakan pada tahun 2019 dengan menggabungkan tema SDGs dalam pemilihan topik Audit. Pengauditan telah dilaksanakan bukan sahaja bagi menilai keekonomian, kecekapan dan keberkesanan program/aktiviti/projek Kerajaan yang dilaksanakan tetapi juga kemajuan pencapaian matlamat–matlamat SDGs yang ditetapkan.

Antara contoh topik pengauditan yang bertemakan SDGs adalah seperti dalam **Jadual**.

TOPIK AUDIT	OBJEKTIF PROGRAM/PROJEK	MATLAMAT SDG	SASARAN MATLAMAT
Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India	Meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India khususnya golongan B40.	SDG 1 : Tiada Kemiskinan	1.1 : Menjelang 2030, membasmi kemiskinan yang melampau bagi semua orang di mana-mana.
Program Peningkatan Kapasiti Dan Kapabiliti Kumpulan Khusus	Membangunkan sosioekonomi secara inklusif melalui peningkatan pendapatan bulanan dan kebolehpasaran untuk kumpulan sasar mendapatkan pekerjaan		
Program Perumahan Rakyat Berkonsepkan <i>Rent To Own</i>	Mengurangkan beban rakyat dengan disasarkan kepada golongan isi rumah yang berpendapatan bawah RM3,000 sebulan dan penempatan semula setinggan.	SDG 11 : Bandar dan Komuniti Lestari	11.1 : Memastikan akses perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat serta berpatutan dan meningkatkan kualiti setinggan pada tahun 2030.
Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Kedah/ Anak Bukit, Kedah	Mengurangkan masalah banjir serta kesan banjir seperti kehilangan nyawa, kerosakan infrastruktur awam, harta benda penduduk termasuk tanaman.		11.5 : Mengurangkan jumlah kematian dan bilangan mangsa bencana, sekali gus mengurangkan kerugian disebabkan bencana seperti banjir dengan tumpuan melindungi golongan miskin dan orang yang berpotensi menjadi mangsa bencana pada tahun 2030.

Di samping topik pengauditan yang bertemakan SDGs, pendekatan *Whole Government Approach* juga dilaksanakan dalam proses pengauditan. Proses pengauditan dilaksanakan secara inklusif dengan mengutamakan konsultasi dan libat urus (*engagement*) bukan saja dengan Auditi sebagai pihak pelaksana tetapi juga pihak-pihak lain yang berkepentingan (*stakeholders*) khususnya golongan sasaran. Pendekatan ini membolehkan penilaian terhadap perancangan, pelaksanaan, pemantauan program/aktiviti/projek yang diaudit dapat dibuat secara menyeluruh dalam menentukan sama ada *output* dan *outcome* program/aktiviti/projek dicapai. Sesi *engagement* bersama pihak yang terlibat secara langsung dengan program/aktiviti/projek yang diaudit, *stakeholders* dan golongan sasaran bagi memastikan laporan audit yang dihasilkan adalah menyeluruh dan berkesan. Seterusnya JAN dapat membuat penilaian terhadap kemajuan pencapaian sasaran SDGs yang berkaitan dan memberi pandangan sejauh mana sasaran tersebut mampu dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

Pendekatan Bimbingan dan *Joint Audit* Dalam Pengauditan ICT

Penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berasaskan digital melibatkan pengumpulan data dari berbagai dimensi – berstruktur dan tidak berstruktur. Masalah yang bersangkutan dengan data analitik diselesaikan dengan menggunakan kepakaran, pengetahuan, strategi dan perancangan dalam melaksanakan prosedur data analitik secara komprehensif. Di samping melaksanakan pengauditan ICT, Bahagian Audit ICT (BAICT) menyampaikan perkhidmatan khidmat nasihat data analitik secara bimbingan dan *joint audit* bersama pasukan audit dari Cawangan lain. Sesi bimbingan bermaksud pegawai dari BAICT akan memberi pandangan dan nasihat kepada pasukan audit dalam aspek berikut:

- a) Mengenalpasti sumber data dan jenis data (berstruktur atau tidak berstruktur);
- b) Melaksanakan analisis berdasarkan *Line Of Inquiry* yang telah disediakan oleh pasukan audit; dan
- c) Mengeluarkan Laporan analisis data mengikut objektif audit.

Aktiviti *joint audit* bermaksud pegawai dari BAICT terlibat secara langsung melaksanakan pengauditan bersama pasukan tetapi terhadap skop pengauditan sistem dan data analitik. Antara skop aktiviti *joint audit* adalah pengauditan kawalan dalaman sistem, penilaian *output* dan *outcome* sistem serta membangunkan *Line of Inquiry* berdasarkan objektif kajian yang dijalankan. Penentuan untuk menjalankan aktiviti bimbingan dan *joint audit* terhadap sesuatu kajian dibuat berdasarkan kompleksiti sistem, tahap kompetensi pasukan dan kaedah konsultansi yang diperlukan. Dalam tahun 2019, sebanyak satu sesi bimbingan audit dan empat (4) *joint audit* telah dilaksanakan.

BAHAGIAN SUSULAN AUDIT

PENGURUSAN CORRECTIVE ACTION DAN PUNITIVE ACTION (CAPA)

PENDAHULUAN

Pengurusan *Corrective Action dan Punitive Action* (CAPA) merupakan salah satu aktiviti penting di Bahagian Susulan Audit (BSA). Proses CAPA melibatkan penyaringan yang teliti terhadap isu Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) sebelum diangkat ke platform perbincangan lanjut dengan agensi luar. Juruaudit di BSA ataupun dikenali sebagai *Officer in Charged* (OIC) bertanggungjawab membuat penyaringan isu LKAN. Bagi maksud proses penyaringan CAPA, OIC di BSA mendapatkan senarai kajian audit prestasi dari Seksyen Pengurusan Laporan (SPL), Sektor Audit Prestasi (SAP); Bahagian Pengurusan dan Kolaborasi Strategik (BPKS); Seksyen Pengurusan Laporan, Sektor Audit Syarikat Kerajaan (SAS) dan mulai tahun 2020 turut melibatkan Pengauditan Pematuhan oleh Sektor Audit Kewangan (SAK).

Berdasarkan rekod, sebanyak 149 kajian pengauditan prestasi dilaporkan dalam LKAN Tahun 2018 dan LKAN Tahun 2019 Siri 1 (Pengauditan Syarikat Kerajaan). Sebanyak 1,346 penemuan audit telah disusul oleh BSA seperti jadual berikut:

BILANGAN KAJIAN DAN PENEMUAN

TAHUN	2018		2019	
	KAJIAN	PENEMUAN	KAJIAN	PENEMUAN
Siri 1	48	359	9	82
Siri 2	50	412	-	-
Siri 3	42	411	-	-
JUMLAH	140	1,264	9	82

K=Kajian : P=Penemuan

Sumber: Data kemasukan kajian dan isu di *AG Dashboard*

Isu Audit yang dilaporkan dalam LKAN disaring dan dikelaskan kepada isu korektif atau punitif. Isu korektif merupakan isu yang tidak mematuhi peraturan atau *Standard Operating Procedure* (SOP) serta tindakan pembedahan atau penambahbaikan boleh dilaksanakan oleh Auditi. Isu punitif pula melibatkan elemen seperti penyelewengan, pembaziran, pemborosan, penyalahgunaan kuasa dan kecuaiannya pegawai awam. Setiap potensi isu punitif yang dikenal pasti akan disenaraikan dengan membuat pengumpulan bukti untuk mengesahkan isu punitif tersebut mempunyai asas pertuduhan terhadap pelanggaran sesuatu peraturan. Asas bagi isu punitif yang diberi perhatian ialah:

- berlaku pelanggaran peraturan yang nyata;
- pegawai yang bertanggungjawab dapat dikenal pasti;
- punca/sebab/kaedah pelanggaran peraturan dapat ditentukan; dan
- wujud implikasi punitif seperti pembaziran, penyelewengan dan kecuaiannya pegawai.

PROSES PRA-PENYARINGAN ISU LKAN BAGI CAPA

Susulan di peringkat BSA bermula dengan proses pra-penyaringan CAPA iaitu mulai kehadiran OIC BSA ke sesi pembentangan *Preliminary Audit (Prelim)* oleh pasukan Audit kepada Timbalan Ketua Audit Negara bagi Sektor Audit Prestasi. Wakil BSA turut menghadiri *exit conference* kajian di peringkat SAP, SAS dan JAN Negeri di bawah penyelarasan BPKS (jika perlu). Mulai tahun 2020, proses ini turut melibatkan pengauditan pematuhan SAK. OIC BSA hadir ke semua perbincangan dan mesyuarat pada peringkat *1st cut*, proses pembentangan penemuan audit dan pelaporan. Oleh itu, OIC telah mula mendapatkan input/maklumat awal sebelum memberi penekanan dan fokus kepada isu yang disusul lanjut.

Perbincangan bersama dengan Pengarah Bahagian Susulan Audit (PBSA) dan/atau Timbalan Pengarah Audit BSA (TPBSA) diadakan secara berkala bagi menentukan justifikasi susulan di peringkat lapangan. Susulan lanjut terhadap isu di peringkat lapangan dibuat dengan persetujuan PBSA. Langkah ini bagi mengelakkan OIC turun ke lapangan tanpa persediaan dan membuat susulan terhadap isu-isu yang tidak memerlukan pengesahan di peringkat lapangan. Seterusnya, perbincangan/ *engagement* berterusan turut diadakan bersama pasukan audit bagi menguasai isu bersama auditi untuk maklumat tambahan dan pihak lain yang berkaitan (PUU, Perunding, Teknikal & Agensi terlibat) untuk pandangan/komen. Selain itu, OIC juga membuat pengesahan pihak ketiga (SSM, CIDB, Lembaga Jurutera, Juruaudit Swasta). Ringkasan proses yang terlibat ialah seperti berikut:

- Mengadakan perbincangan dengan pasukan audit mengenai isu yang dikenal pasti;
- Melaksanakan susulan audit dengan mengadakan perbincangan dengan auditi dan pihak-pihak yang berkepentingan mengenai isu yang dikenal pasti menggunakan pendekatan *watertight* dan *deep dive*; dan
- Menyediakan slaid dan membuat pembentangan dalam mesyuarat persediaan bersama YBhg. Datuk KAN, pengurusan tertinggi JAN dan warga JAN yang berkaitan.

Selepas proses pra-penyaringan, OIC menyenarai pendek isu audit melalui proses saringan di peringkat bahagian. Seterusnya padanan dibuat antara tahap risiko dengan tindakan punitif. Proses padanan melibatkan proses memadankan isu-isu *red flag* yang telah disaring kepada tiga (3) tahap risiko sama ada rendah (L), sederhana (M) dan tinggi (H) bagi mencadangkan tindakan punitif seperti jadual berikut.

TAHAP RISIKO DAN HUBUNG KAIT DENGAN TINDAKAN PUNITIF

TAHAP RISIKO	KATEGORI KEMUNGKINAN	DEFINISI	CADANGAN TINDAKAN
Rendah (L)	Berkemungkinan/ Tiada Kemungkinan	Pelanggaran terhadap peraturan yang diguna pakai atau berkuat kuasa yang menyebabkan kerugian/tidak menjaga kepentingan Kerajaan.	Tatatertib
Sederhana (M)	Dijangka	Pelanggaran terhadap peraturan yang diguna pakai atau berkuat kuasa yang menyebabkan kerugian/tidak menjaga kepentingan Kerajaan/ mempunyai niat dan pelakuan yang berterusan/keuntungan peribadi/ bukti wujudnya <i>trend</i> yang berterusan.	Sivil/Jenayah
Tinggi (H)	Hampir Pasti	Pelanggaran terhadap peraturan yang diguna pakai atau berkuat kuasa yang menyebabkan kerugian/tidak menjaga kepentingan Kerajaan/ mempunyai niat dan pelakuan yang berterusan/keuntungan peribadi/pakatan/ wujud bukti fizikal dan dokumen serta adanya trend berterusan pada peringkat awal semakan dan boleh diangkat untuk penguatkuasaan.	Sivil/Jenayah

PERANCANGAN SUSULAN /SIASATAN BAGI CAPA

Bagi maksud penyaringan terperinci, setiap OIC menyediakan perancangan susulan bagi CAPA berasaskan tiga (3) fasa iaitu perancangan, pelaksanaan dan pelaporan sebelum memulakan susulan (siasatan).

PERANCANGAN SIASATAN CAPA

PERANCANGAN	PELAKSANAAN	PELAPORAN
<ul style="list-style-type: none"> Memahami Kronologi Kes Mandat Dan Mengenal Pasti Pelanggaran Kesalahan Pelan Siasatan Analisis Maklumat/Data 	<ul style="list-style-type: none"> Mengumpul Bukti Mengadakan Temu Duga Analisis Bukti Penyimpanan Bukti 	<ul style="list-style-type: none"> Laporan Siasatan Menyediakan Tindakan Tambahan

Skop siasatan yang dilaksanakan adalah spesifik berdasarkan isu yang disiasat. Metodologi siasatan menyeluruh bagi menentukan sama ada pegawai yang bertanggungjawab yang boleh disabitkan dengan kes yang disiasat. Proses siasatan dilaksanakan secara adil, telus dan komprehensif dalam memastikan setiap tindakan telah mengambil kira situasi dan pilihan yang ada. Kertas kerja disediakan untuk menyimpan sebarang penemuan/perubahan semasa menjalankan siasatan sebagai bukti dan dokumen sokongan terhadap siasatan yang dijalankan. Kertas Makluman kes disediakan pada fasa akhir siasatan untuk rujukan Agensi Penguatkuasa dalam membantu menentukan tindakan bersesuaian mengikut bidang kuasa masing-masing.

STATISTIK PENYARINGAN ISU CAPA

Justifikasi yang jelas disediakan oleh OIC BSA. Isu LKAN yang telah disaring dibawa ke mesyuarat persediaan bersama KAN, pengurusan tertinggi dan pegawai JAN yang berkaitan. Proses ini penting sebelum senarai isu LKAN yang memerlukan tindakan punitif atau *punitive action* (PA) dapat dimuktamadkan. Seterusnya isu PA ini akan diangkat untuk kelulusan KAN. Hanya selepas kelulusan KAN, senarai isu PA akan dibawa ke mesyuarat seterusnya melibatkan pihak luar seperti agensi penguatkuasa. OIC BSA membuat persiapan yang sewajarnya bagi pembentangan isu PA semasa Mesyuarat *Pre-council* JTLKAN peringkat JAN bersama KAN, Panel Tetap dan semua pegawai JAN yang berkaitan (BSA, pengurusan atasan, pengarah, pasukan audit). Berdasarkan rekod, statistik penyaringan isu audit bagi CAPA berdasarkan kajian yang dilaporkan (bagi LKAN Tahun 2018 sehingga LKAN Tahun 2019 Siri 1 mengenai Audit Syarikat) adalah seperti berikut:

STATISTIK PENYARINGAN ISU CAPA OLEH BSA

LKAN/TAHUN/SIRI	BILANGAN KAJIAN	BILANGAN PENEMUAN	BILANGAN KAJIAN ADA ISU PUNITIF	BILANGAN ISU KOREKTIF (CA)	BILANGAN ISU PUNITIF (PA)
PERSEKUTUAN (SAP)					
Tahun 2018 Siri 1	19	146	2	143	3
Tahun 2018 Siri 2	12	165	7	139	26
Tahun 2018 Siri 3	12	128	4	121	7
NEGERI (BPKS)					
Tahun 2018 Siri 1	21	151	4	145	6
Tahun 2018 Siri 2	30	247	6	240	7
Tahun 2018 Siri 3	30	283	7	272	11
SYARIKAT KERAJAAN (SAS)					
Tahun 2018 Siri 1	8	62	0	62	0
Tahun 2018 Siri 2	8	64	1	63	1
Tahun 2019 Siri 1	9	82	1	81	1

RUMUSAN

Penyaringan isu CAPA merupakan fungsi penting dalam mengenal pasti isu audit yang mempunyai elemen punitif untuk tindakan pihak berkuasa yang berkaitan. BSA melaksanakan siasatan berhubung potensi isu punitif dengan membuat pengumpulan bukti untuk mengesahkan setiap isu punitif mempunyai asas untuk disiasat atau diambil tindakan selanjutnya oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

IMPAK PENGAUDITAN PRESTASI TERHADAP AGENDA NEGARA

Penambahbaikan Polisi Negara Hasil Pengauditan Pengurusan *Industrial Linkage Programme* Di Bawah Dasar Atomotif Nasional

Oleh

Encik Mohd Nazim Mat Siam

PENGENALAN

Duti eksais di Malaysia dikenakan pada kadar 75% hingga 105% (mengikut kapasiti enjin kenderaan) ke atas kos pengilangan kenderaan /Harga Pasaran Terbuka Eksais (HPTE). Kadar peratus duti eksais di Malaysia adalah tertinggi di kalangan negara ASEAN yang mana secara purata hanya mengenakan duti eksais pada kadar 30%. Namun begitu, peratusan duti eksais yang tinggi di Malaysia sebenarnya telah dikurangkan dengan insentif pengecualian duti eksais melalui *Industrial Linkage Programme* (ILP). ILP diberikan kepada *Original Equipment Manufacturer* (OEM) yang menjalankan aktiviti pengilangan atau pemasangan kenderaan di Malaysia (lokalisasi). *Automotive Business Development Committee* (ABDC) adalah jawatankuasa yang telah diberi kuasa oleh YB Menteri Kewangan (YBMK) di bawah kuasa Seksyen 11(2) Akta Eksais untuk menilai pembelian komponen tempatan yang layak untuk insentif ILP. Sehingga 31 Disember 2019 kelulusan pengecualian duti eksais telah mencecah 95% bagi seunit kereta iaitu hanya 5% duti eksais dikenakan. Sebagai contoh, kenderaan dengan kos pengilangan RM51,933.93 seunit telah diberi kelulusan ILP berjumlah RM49,342.58 (95%) seunit. Dengan itu, pembayaran duti eksais hanya pada nilai RM2,591.35 (5%) iaitu baki tanpa pengecualian kos pengilangan dan ini menjadikan duti eksais hanya berjumlah RM1,943.51 seunit.

PENAMBAHBAIKAN POLISI NEGARA

Hasil analisis JAN telah dibentangkan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan juga dikemukakan untuk perhatian Perdana Menteri. Kerajaan telah melaksanakan perubahan dasar ILP dengan mengenakan dasar baru iaitu pegangan saham oleh syarikat pemohon dalam syarikat pembekal komponen mestilah kurang daripada 20% selaras dengan dasar di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986; aktiviti/projek hendaklah dilaksanakan di bangunan/lokasi yang berasingan dari aktiviti lain yang dilaksanakan oleh syarikat induk atau syarikat berkaitan; loji, jentera dan kelengkapan yang digunakan bagi perkhidmatan ini hendaklah merupakan loji, jentera dan kelengkapan yang berasingan dan tidak boleh dipindah dari syarikat induk atau syarikat berkaitan; keseluruhan pekerja syarikat hendaklah berasingan daripada pekerja-pekerja syarikat induk atau syarikat berkaitan kecuali bagi kakitangan pengurusan dan pengarah syarikat; dan aktiviti/projek yang dilaksanakan tidak akan mengakibatkan pengurangan pelaburan syarikat induk atau syarikat berkaitan.

Selain itu, syarat kelulusan komponen tempatan diperketat dengan meningkatkan syarat minimum secara berperingkat dan mengambil kira takrifan komponen dan kandungan tempatan berdasarkan *Regional Value Content* (RVC). Syarat nilai tambah ditambahbaik dengan memperkenalkan kaedah insentif cukai berasaskan menu (*menu-based incentive*) yang akan menetapkan skor berdasarkan nilai komponen atau sub-komponen yang memenuhi kriteria lokalisasi sebenar. Pengecualian duti import ke atas komponen pemasangan di bawah program *Multi Sourcing Parts* (MSP) akan dimansuhkan pada

penghujung tahun 2021; dan MSP akan digantikan dengan mekanisme baharu yang menetapkan syarat komponen/sub-komponen digunakan secara langsung untuk menghasilkan modul komponen yang akan digunakan untuk aktiviti pemasangan kenderaan baharu; dan komponen/sub-komponen tidak dihasilkan oleh pengilang tempatan.

Kelulusan ILP semasa hanya diberikan berdasarkan nilai komponen tempatan yang diperolehi daripada vendor yang tidak dimiliki oleh OEM. Komponen yang diperolehi daripada vendor yang dimiliki oleh OEM masih layak untuk nilai ILP tetapi pada kadar yang lebih rendah. Dengan ini, Kerajaan telah berjaya menyelamatkan pelaburan melalui pengecualian duti eksais berjumlah **RM2.427 bilion setahun** (berdasarkan kelulusan tahun 2018).

Term of Reference (TOR) ABDC sedia ada dikemas kini supaya memenuhi keperluan dan pembangunan industri; menjamin kutipan hasil cukai; dan merangka insentif yang kompetitif dengan negara ASEAN. Sistem dalam talian e-ABDC turut dibangunkan supaya membolehkan permohonan dan rekod kelulusan di akses secara dalam talian.

Bengkel Penambahbaikan Insentif Pengecualian Duti Eksais telah diadakan dan turut dihadiri oleh JAN sebagai pemerhati. Bagi mengatasi isu pengikraran yang tidak seragam antara syarikat OEM, Peraturan-Peraturan Eksais (Penentuan Nilai Barang-Barang Yang Dikilangkan Secara Tempatan Bagi Maksud Melevi Duti Eksais) 2019' – P.U.(A)402 diperkenal dan diwartakan. Peraturan ini telah memberikan takrifan yang lebih jelas terhadap istilah nilai kenderaan yang perlu diikrar kepada JKDM untuk tujuan pengiraan duti eksais. OEM diwajibkan mengemukakan kos pengilangan dan kos lain yang terlibat mengikut kaedah P.U.(A)402 semasa permohonan insentif dan tidak dibenarkan mengikrarkan nilai yang lebih rendah semasa proses tuntutan pengecualian cukai daripada JKDM. Mengambil kira semua isu yang dibangkitkan JAN, penambahbaikan terhadap Dasar Automotif Nasional 2014 telah dimuatkan dalam Dasar Automotif Nasional 2020. Pada 24 Februari 2020 Dasar Automotif Nasional 2020 telah dilancarkan dan JAN telah diberi

penghormatan untuk menghadiri majlis pelancaran tersebut.

KESIMPULAN

Pengauditan telah memberikan impak yang besar kepada pembentukan dasar baru dalam industri automotif tempatan dengan meletakkan semula pelaksanaan sistem dan prosedur di landasan yang selaras dengan hasrat Kerajaan. Pelbagai manfaat yang bakal dinikmati oleh syarikat tempatan dan rakyat Malaysia kesan daripada pelaksanaan dasar baru ini. Model lokalisasi baharu mengalakkan pemindahan teknologi; pelaburan domestik; peluang perniagaan; permintaan sewa atau beli kilang; permintaan tenaga kerja tempatan dan permintaan sosio ekonomi dikalangan pekerja. Kerajaan juga telah berjaya mengutip semula sejumlah RM295.86 juta duti eksais daripada syarikat OEM yang sebelum ini kurang dikutip. Dengan jumlah RM2.427 bilion setahun anggaran pelaburan yang turut berjaya diselamatkan maka, **impak kewangan hasil daripada pengauditan adalah berjumlah RM2.723 bilion.**

Pengemaskinian Pekeliling Perbendaharaan berkaitan PK7.13 Tahun 2013 - Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus kepada PK7.15 Tahun 2019 - Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus pada 15 Julai 2019 .

oleh

YBrs. Dr. Farida Binti Veerankutty

PENGENALAN

Pelan Anti-Rasuah Kebangsaan 2019 – 2023 (National Anti-Corruption Plan [NACP] 2019-2023) telah diperkenalkan pada tahun 2019. Antara aspek yang ditekankan adalah meningkatkan tahap ketelusan dan integriti dalam urusan perolehan Kerajaan melalui Inisiatif NACP 3.1.6 – Mewujudkan Kebertanggungjawaban dan Ketelusan Dalam Pelaksanaan Kuasa-Kuasa Menteri Yang Dinyatakan Dalam Peruntukan Undang-Undang Khususnya Dalam Perolehan dan Sistem Kewangan.

Selaras dengan itu, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah (GIACC) telah memaklumkan keperluan untuk mengkaji semula perolehan secara rundingan terus bagi memastikan pelaksanaan yang lebih telus, memberi nilai terbaik untuk wang Kerajaan serta mempunyai sistem kawalan dalaman yang baik.

PENUBUHAN *TASKFORCE* JABATAN AUDIT NEGARA

Pada 18 April 2019, YBhg. Tan Sri Abu Kassim Bin Mohamed, Ketua Pengarah, GIACC telah memohon Jabatan Audit Negara untuk mengetuai satu *taskforce* bagi melaksanakan satu kajian berkaitan isu-isu generik dalam perolehan Kerajaan melibatkan rundingan terus. Satu kertas pertimbangan disediakan dan dibawa ke Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) bagi tujuan penambahbaikan dasar dan peraturan pengurusan perolehan secara rundingan terus.

Satu *Taskforce* Induk telah diwujudkan pada bulan Mei 2019 yang dianggotai oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan GIACC. Pada 3 Mei 2019, mesyuarat telah diadakan untuk membincangkan objektif, skop dan metodologi kajian.

Seterusnya, satu *taskforce* telah diwujudkan di peringkat jabatan (*Taskforce* GIACC) untuk melaksanakan kajian ini dan menyediakan kertas pertimbangan. Keanggotaan *taskforce* GIACC Perolehan peringkat JAN adalah seperti berikut:

Keanggotaan *Taskforce* GIACC Perolehan Peringkat Jan

Penasihat	:	YBhg. Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid
Pengerusi	:	YBrs. Tuan Haji Khalid Khan Abdullah Khan
Ketua Projek	:	YBrs. Puan Yusnani Mohd. Zakaria
Ketua Penyelidik	:	YBrs. Dr. Farida Veerankutty
Ahli Jawatankuasa	:	YBrs. Tuan Haji Mohd Zaki Ismail
	:	YBrs. Dr. Alifah Aida Lope Abdul Rahman
	:	Cik Norni @Lina Mohammed
	:	Puan Sarimah Umor
	:	Puan Rusni Mohamed
	:	Puan Carolina Muyang Lileng
	:	Puan Hafiza Yaakob
	:	Cik Maszura Hassan
	:	Puan Intan Noorashikin Nasarudin
	:	Puan Ruhana Ab Rahman

Beberapa siri sesi *brainstorming* telah diadakan di kalangan ahli *taskforce* GIACC dan telah diputuskan kajian ini dilaksanakan menggunakan metodologi kajian kes berdasarkan penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). *Taskforce* GIACC telah menganalisis isu – isu generik berkaitan perolehan rundingan terus yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 sehingga 2017. Isu – isu generik adalah merujuk kepada isu yang berulang dan kerap kali dibangkitkan dalam LKAN mengenai pengurusan perolehan. Sebanyak lima (5) laporan audit telah dikenalpasti untuk dianalisis dan dijadikan sebagai kajian kes bagi mengenal pasti kelompongan yang wujud dalam sistem perolehan Kerajaan terutamanya melibatkan perolehan rundingan terus. Beberapa siri pembentangan kemajuan hasil kajian telah dibuat bersama YBrs. Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan bagi memantapkan lagi pelaporan kertas pertimbangan.

PENAMBAHBAIKAN PEKELILING

Hasil penemuan kajian telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk GIACC Perolehan pada 2 Julai 2019 dan telah dipersetujui oleh ahli Mesyuarat. Pada 4 Julai 2019, kertas konsep telah dibentangkan kepada Ketua Audit Negara dan telah diluluskan untuk pembentangan dalam mesyuarat *Pre-council* dan Persediaan bagi Mesyuarat JKKMAR di GIACC. Pada 8 Julai 2019, pembentangan telah dibuat dalam mesyuarat yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Abu Kasim dan telah dipersetujui untuk diangkat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR). Kertas pertimbangan yang lengkap telah disediakan bagi tujuan pembentangan dalam Mesyuarat JKKMAR.

YBhg. Datuk Ketua Audit Negara telah membentangkan kertas pertimbangan kepada YAB Perdana Menteri pada 19 September 2019 dalam Mesyuarat JKKMAR Siri 10 Bil. 5 Tahun 2019. Sebanyak tiga cadangan penambahbaikan telah dikemukakan seperti berikut:

- i. memperkasakan Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan;
- ii. menyemak semula Pekeliling dan Garis Panduan Pengurusan Nilai dan mewujudkan prosedur kawalan dalaman sekiranya pengecualian diberikan; dan
- iii. menyemak semula Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus dengan memperincikan aspek penilaian teknikal dan anggaran serta mewujudkan prosedur dalaman yang lebih terperinci.

Mesyuarat secara dasarnya telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh JAN dan telah meminta pihak berkaitan mengadakan perbincangan lanjut untuk melaksanakan cadangan tersebut.

KEPUTUSAN GIACC

Sebagai langkah proaktif, Kementerian Kewangan telah mengemaskini **Pekeliling Perbendaharaan berkaitan PK7.13 Tahun 2013 - Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus kepada PK7.15 Tahun 2019 - Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus yang pada 15 Julai 2019**. Pengemaskinian dan penambahbaikan terhadap pekeliling ini dibuat selepas Jawatankuasa GIACC Perolehan peringkat JAN membentangkan hasil cadangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Induk GIACC Perolehan pada 2 Julai 2019. Wakil MoF merupakan salah seorang Ahli Jawatankuasa Induk GIACC.





Sektor Audit Syarikat Kerajaan

PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN

MANDAT PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN

Perlembagaan Persekutuan, Perkara 106(2): Kuasa dan Tugas Ketua Audit Negara

Ketua Audit Negara hendaklah melaksanakan apa-apa tugas lain dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang Persekutuan berhubung dengan akaun bagi Persekutuan dan akaun bagi Negeri-Negeri dan berhubung dengan akaun bagi pihak-pihak berkuasa awam lain dan akaun bagi badan yang dinyatakan melalui perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(d)

Akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Persekutuan atau Negeri, dan termasuk juga sesuatu syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayarnya dipegang oleh Persekutuan, sesuatu Negeri atau sesuatu pihak berkuasa awam atau dipegang sedemikian pada agregatnya oleh dua daripada mereka atau lebih.

Dengan syarat bahawa Yang di-Pertuan Agong menentukan sedemikian melalui perintah di bawah Perkara 106(2) Perlembagaan Persekutuan dan walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pengauditan akaun mana-mana badan sedemikian.


Akta Audit 1957, Seksyen 5(1)(f)

Akaun mana-mana pihak berkuasa awam lain jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam memerlukan akaun pihak berkuasa itu diperiksa, disiasat dan diaudit oleh Ketua Audit Negara walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubung dengan akaun dan pengauditan mana-mana pihak berkuasa sedemikian: Dengan syarat bahawa Menteri tidak boleh menyebabkan akaun mana-mana pihak berkuasa sedemikian yang menjalankan kuasa yang diletakhakkan padanya melalui undang-undang Negeri diperiksa, disiasat dan diaudit oleh Ketua Audit Negara melainkan jika dia telah terlebih dahulu berunding dengan Menteri Besar atau Ketua Menteri Negeri itu.

Warta Kerajaan Persekutuan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017

Ketua Audit Negara hendaklah memeriksa, menyiasat dan mengaudit akaun-akaun syarikat yang dinyatakan dalam Perintah Audit (Akaun Syarikat) P.U.(A) 294 bertarikh 30 September 2017 - 1,858 syarikat.

JUMLAH SYARIKAT YANG DIWARTAKAN
1,858



PELAKSANAAN PENGAUDITAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI

JAN melaksanakan pengauditan terhadap syarikat Kerajaan untuk menilai pencapaian objektif syarikat dari aspek tadbir urus korporat yang baik, kedudukan kewangan syarikat dan pengurusan aktiviti syarikat. Manakala, pengesahan terhadap Penyata Kewangan syarikat adalah masih dijalankan oleh Juruaudit yang dilantik oleh syarikat sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Pindaan 2016).



PEMBENTANGAN LKANTAHUN 2018

Pengauditan terhadap syarikat kerajaan telah dijalankan bagi 44 syarikat Kerajaan iaitu 1 analisis kewangan dan pemantauan syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan), 15 syarikat Kerajaan Persekutuan dan 28 syarikat Kerajaan Negeri.

PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018

16 Jumlah Pengauditan Peringkat Persekutuan

28 Jumlah Pengauditan Peringkat Negeri

JUMLAH
44

77 Jumlah Syor Peringkat Persekutuan

119 Jumlah Syor Peringkat Negeri

JUMLAH
196

Senarai Pengauditan Syarikat Kerajaan Persekutuan

BIL.	NAMA SYARIKAT	LKAN
1.	Mardi Maeps Sdn. Bhd.	
2.	Forest Plantation Development Sdn. Bhd.	
3.	Malaysian Industrial Development Finance Berhad	
4.	Giatmara Sendirian Berhad	2018 Siri 1
5.	Mycreative Ventures Sdn. Bhd	
6.	Malaysian Global Innovation & Creativity Centre Berhad	
7.	Education Malaysia Global Services	
8.	Malaysia Nuclear Power Corporation	
9.	Keretapi Tanah Melayu Berhad	
10.	Permodalan Risda Berhad	
11.	Hospital Pusrawi Sdn. Bhd.	
12.	Institut Jantung Negara Sdn. Bhd	2018 Siri 2
13.	Panorama Langkawi Sdn. Bhd.	
14.	International University Of Malaya-Wales	
15.	Clinical Research Malaysia	
16.	Analisis Kewangan dan Pemantauan Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan)	

Senarai Pengauditan Syarikat Kerajaan Negeri

BIL.	NEGERI	NAMA SYARIKAT	LKAN
1.	Kedah	Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd.	2018 Siri 1
2.	Kelantan	PMBK Sawit Sdn. Bhd.	
3.	Perak	Kumpulan Perubatan Ar-Ridzuan Sdn. Bhd.	
4.	Sabah	PBNS Holding Sdn. Bhd.	
5.	Selangor	Yayasan Warisan Anak Selangor	
6.	Terengganu	Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.	
7.	Johor	Perbadanan Usahawan Johor Sdn. Bhd.	
8.	Kelantan	Permodalan Kelantan Berhad	
9.	Melaka	MAIM Holdings Berhad	
10.	Negeri Sembilan	Emerald Spirit Sdn. Bhd.	
11.	Pahang	RT Development & Engineering Sdn. Bhd.	
12.	Pulau Pinang	As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.	
13.	Sarawak	Magna Focus Sdn. Bhd.	2018 Siri 3
14.	Selangor	SACC Convec Sdn. Bhd.	
15.	Terengganu	Primula Beach Hotel Sdn. Bhd.	
16.	Johor	Ternakan Ruminan Sdn. Bhd.	
17.	Kedah	Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan (Kedah) Sdn. Bhd.	
18.	Melaka	Syarikat Pengurusan Rumah Pangsa Negeri Melaka Sdn. Bhd.	
19.		Kumpulan Melaka Berhad	
20.	Negeri Sembilan	MAINS Hotel Sdn. Bhd.	
21.	Pahang	LKPP Property Sdn. Bhd.	
22.	Perak	Agro Mill Sdn. Bhd.	
23.	Pulau Pinang	PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd.	
24.	Selangor	Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd.	
25.	Sabah	SEDCO Travel & Tours Sdn. Bhd.	
26.		Palm Oil Industrial Cluster Sdn. Bhd.	
27.	Sarawak	Sarawak Fertilizer Sdn. Bhd.	
28.		Sara Urus Harta Sdn. Bhd.	

Panorama Langkawi Sdn. Bhd.
Jabatan Perdana Menteri



Lawatan Audit terhadap operasi kereta kabel

Clinical Research Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia



Penerangan sedang diberikan kepada pegawai Audit oleh pihak Clinical Research Malaysia

Malaysia Nuclear Power Corporation
Jabatan Perdana Menteri



Lawatan Audit ke tapak projek Malaysia Nuclear Power Corporation

Forest Plantation Development Sdn. Bhd.
Kementerian Industri Utama



Lawatan Audit ke tapak Program Pembangunan Ladang Hutan

Malaysian Global Innovation & Creativity Centre Berhad
Kementerian Industri Utama



Pegawai Audit diberi penerangan berkaitan projek MIGHT

MESYUARAT PENDEKATAN PENAMBAHBAIKAN PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN/ NEGERI TAHUN 2019

Sektor Audit Tadbir Urus telah menganjurkan Mesyuarat Pendekatan Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan/Negeri Tahun 2019 pada 13 hingga 15 Februari 2019 bertujuan untuk membincangkan pendekatan dan strategi pengauditan yang seiring dengan perkembangan semasa di sektor Audit Tadbir Urus (SATU), membincangkan Rancangan Audit Tahunan, penyeragaman kaedah dan struktur penulisan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 1 serta mengharmonikan koordinasi antara Bahagian Penyelarasan dan Kolaborasi Strategik (BPKS) dengan Seksyen Penyelarasan Laporan (SPL) SATU. Ia juga bertujuan menzahirkan idea-idea bernas berkaitan pendekatan dalam pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan dan apa yang dihasratkan dalam pengauditan di masa hadapan atau *way forward* SATU. Selain itu, mesyuarat ini merupakan platform untuk SATU membincangkan dasar serta pendekatan baharu dalam pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan serta *knowledge sharing* antara Juruaudit dari JAN Negeri dan Ibu Pejabat bersama pengurusan SATU. Antara *way forward* SATU yang diaplikasi dalam LKAN Tahun 2018 adalah seperti berikut:

- i. Objektif pengauditan adalah penilaian terhadap pencapaian objektif penubuhan syarikat;
- ii. Mewujudkan pertalian antara ketiga-tiga aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat secara holistik yang jelas menjurus kepada pencapaian objektif penubuhan syarikat;
- iii. Penilaian mendalam terhadap elemen tadbir urus korporat yang memberi kesan kepada pencapaian objektif penubuhan syarikat; dan
- iv. Kaedah pelaporan analisis kedudukan kewangan syarikat kepada format yang mudah difahami dan menilai keupayaan syarikat menjana pendapatan dan menampung operasinya tanpa bergantung kepada geran Kerajaan.

Mesyuarat Pendekatan Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan/ Negeri Tahun 2019

Hotel Tenera, Bangi, Selangor.
13 hingga 15 Februari 2019



Peserta bengkel Mesyuarat Pendekatan Penambahbaikan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan/ Negeri Tahun 2019



Sesi Perbincangan Bersama Pengarah dan Timbalan Pengarah



Taklimat Berkaitan Peranan dan Tanggungjawab Setiausaha Syarikat Yang Disampaikan Oleh Pengurus Besar Prokhas Sdn. Bhd.



Sesi Makan Malam TKAN (TU) Bersama Tetamu Jemputan dan Para Peserta

Jamuan Perpisahan Sempena Persaraan YBhg. Datuk Zulkipli bin Abdullah (Timbalan Ketua Audit Negara, Sektor Audit Tadbir Urus)

Hotel Grande, Putrajaya
27 September 2019



Pegawai Sektor Audit Tadbir Urus Bergambar Kenangan Bersama Datuk Timbalan Ketua Audit Negara, Sektor Audit Tadbir Urus

MESYUARAT RANCANGAN AUDIT TAHUNAN PENGAUDITAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN TAHUN 2020

SATU telah menganjurkan mesyuarat Rancangan Audit Tahunan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Tahun 2020 pada 5 hingga 7 Disember 2019 bertempat di Hotel Hatten, Melaka. Objektif mesyuarat ini diadakan adalah bagi membincangkan Rancangan Audit Tahunan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Tahun 2020 dan membincangkan penambahbaikan pengauditan dan pentadbiran SATU supaya dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Perbincangan antara pasukan dan pengurusan SATU diadakan bagi membantu meningkatkan kualiti pengauditan bermula daripada kaedah pemilihan tajuk pengauditan sehingga penulisan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN). Selain itu, program motivasi juga diadakan bagi meningkatkan motivasi setiap pegawai SATU. Program tersebut bertujuan untuk meningkatkan semangat kerja berpasukan serta mengeratkan hubungan silaturrahim antara semua warga SATU.

Mesyuarat Rancangan Audit Tahunan Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Tahun 2020

Hotel Hatten Square, Melaka
5 – 7 Disember 2019



Peserta Bergambar Bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Tadbir Urus)



Sesi Pembentangan Rancangan Audit Tahunan Bersama Timbalan Ketua Audit Negara (Tadbir Urus)



Program Motivasi Yang Diadakan Bersama Pegawai SATU.

PENGUKUHAN UNIT AUDIT DALAM

Pelaksanaan Audit Dalam di Kementerian atau Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri digariskan dalam Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.1. Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan untuk membantu Kementerian/Jabatan/Agensi mencapai objektif yang ditetapkan melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin bagi menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus. Manakala, Jabatan Audit Negara (JAN) pula berfungsi dan berperanan selaku pihak audit luar. Bagaimanapun, kedua-dua pihak iaitu JAN dan UAD mempunyai matlamat yang sama iaitu bagi mempertingkatkan tahap tadbir urus, pengurusan kewangan dan akauntabiliti Kementerian/Jabatan/Agensi sama ada di peringkat Persekutuan mahupun negeri. Pada masa ini, terdapat 298 UAD di sektor awam merangkumi Kementerian, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam.

Fungsi Unit Audit Dalam



MEMBANTU SESEBUAH ORGANISASI MENCAPAI MATLAMATNYA



MENENTUKAN KEBERKESANAN SEMUA PROSES KAWALAN DAN TADBIR URUS

Fungsi Unit Audit Dalam

Perkhidmatan Jaminan

Pemeriksaan secara objektif terhadap pengurusan risiko, kawalan dalaman dan tadbir urus organisasi

Perkhidmatan Perundingan

Memberi khidmat nasihat
Memberi nilai tambah & menambah baik organisasi

Secara dasarnya, kerjasama JAN dan UAD dilihat penting bagi menambahbaik tahap pengurusan kewangan sektor awam terutamanya dalam mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam. Sehubungan itu, dalam usaha memperkukuh *engagement* dan membantu memperkasa peranan UAD, JAN memainkan peranan dalam 4 aspek seperti berikut:

PERANAN JAN TERHADAP PENGUKUHAN UAD

Menyedia dan Mengemas kini Pangkalan Data Perjawatan UAD

Termasuk menyelaras maklumat Juruaudit dan Penolong Juruaudit lantikan JAN yang ditempatkan secara kader atau pinjaman di UAD Kementerian/Jabatan/Agensi peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Menjalankan Analisis Isu-Isu UAD

Menjalankan analisis terhadap pemerhatian-pemerhatian UAD, maklum balas dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Audit bagi mengenal pasti perkara yang signifikan.

Menyelaras Rancangan Audit Tahunan Antara UAD dan JAN

Bertujuan untuk memastikan pengauditan dapat dijalankan dengan efisien dan lancar

Mesyuarat Berkala Dengan UAD

Bertujuan untuk menyelaras perhubungan antara UAD dan JAN terutamanya melibatkan bidang pengauditan

Pada tahun 2019, jumlah kedudukan perjawatan pegawai JAN di UAD adalah berjumlah 567 merangkumi pelbagai gred jawatan, iaitu sebanyak 541 perjawatan di UAD Kementerian/Jabatan Persekutuan, 15 perjawatan di UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan sebanyak 11 perjawatan di UAD Agensi Persekutuan. Kedudukan terperinci adalah seperti berikut:

UAD Kementerian/ Jabatan Persekutuan

JUSA 6 Pegawai	W52 20 Pegawai	W44 71 Pegawai	WW36 48 Pegawai	W29/32 193 Pegawai
W54 13 Pegawai	W48 39 Pegawai	W41/44 35 Pegawai	W32 116 Pegawai	

UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

W54 1 Pegawai	W48 2 Pegawai	W41/44 1 Pegawai	W32 3 Pegawai
W52 1 Pegawai	W44 4 Pegawai	W36 1 Pegawai	W29 2 Pegawai

UAD Agensi Persekutuan

W52 2 Pegawai	W44 2 Pegawai	44 (terbuka) 1 Pegawai
W48 4 Pegawai	P44 1 Pegawai	W32 1 Pegawai

Sehubungan itu, bagi memperkukuh *engagement* dengan UAD, JAN telah mengadakan tiga mesyuarat/perjumpaan bersama Ketua Unit Audit Dalam (KUAD) Kementerian/Jabatan Persekutuan yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk KAN dan dua kursus Pengurusan Kewangan Berdasarkan Risiko (AI) kepada UAD. Maklumat lanjut sesi mesyuarat/perjumpaan dan kursus tersebut adalah seperti berikut:

23 April 2019

Mesyuarat Cadangan Penyerahan Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) Kepada UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

29 April 2019

Mesyuarat Khas KAN Dengan KUAD Kementerian/Jabatan Persekutuan dan Kerajaan Negeri (Jawatan Kader JAN)

9 dan 10 Julai 2019

Kursus Pengurusan Kewangan Berdasarkan Risiko (AI) Kepada UAD Kementerian/Jabatan di Akademi Audit Negara

16 dan 17 Oktober 2019

Kursus Pengurusan Kewangan Berdasarkan Risiko (AI) Kepada UAD Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di Kementerian Kewangan Malaysia

10 dan 11 Disember 2019

Mesyuarat Pengukuhan Hala Tuju Jalinan Kerjasama Antara JAN Dengan UAD Kementerian/Jabatan Persekutuan di Hotel Royale Chulan Seremban

MESYUARAT PENGUKUHAN HALA TUJU JALINAN KERJASAMA ANTARA JAN DAN UAD

TEMPAT: HOTEL ROYALE CHULAN, SEREMBAN NEGERI SEMBILAN
TARIKH: 10 DAN 11.12.2019



Barisan Pengurusan Tertinggi JAN Bergambar Bersama KUAD
Kementerian/Jabatan Persekutuan



Peserta Sesi Mesyuarat Pengukuhan Hala Tuju Jalinan Kerjasama Antara JAN dan KUAD Kementerian/Jabatan Persekutuan
di Hotel Royale Chulan, Seremban Negeri Sembilan



Barisan Pengurusan Tertinggi Jabatan Audit Negara
Bergambar Bersama KUAD Pejabat SUK Negeri



Sesi Mesyuarat Pengukuhan Hala Tuju Jalinan Kerjasama Antara
JAN dan UAD Pejabat SUK Dipengerusikan
oleh Ketua Audit Negara



*Memperkuat Pengurusan
Dan Modal Insan*

MEMPERKUKUH PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Aspek pengurusan daripada segi kewangan, pentadbiran dan pengurusan sumber manusia amat dititikberatkan bagi memastikan fokus JAN dalam melaksanakan fungsi utama iaitu pengauditan dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Pengurusan kewangan dan pentadbiran di JAN dilaksanakan secara cekap dan teratur berlandaskan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. JAN juga sentiasa menekankan aspek pengukuhan modal insan melalui pembangunan kapasiti, pembangunan kerjaya, pengurusan kompetensi dan pemantapan integriti di kalangan warga JAN.

PENGURUSAN KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

Pada tahun 2019, JAN telah menerima peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM152,723,700.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM145,366,800.00 atau 95.18% telah dibelanjakan. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

LAPORAN PERBELANJAAN MENGURUS JABATAN AUDIT NEGARA MENGIKUT AKTIVITI SEHINGGA 31 DISEMBER 2019

Peruntukan RM 152,723,700	PERBELANJAAN MENGURUS	95.18 %	Perbelanjaan RM 145,366,800
RM 18,056,600	AUDIT KEWANGAN	98.65 %	RM 17,813,016
RM 23,987,200	AUDIT PRESTASI	95.40 %	RM 22,883,690
RM 4,743,000	AUDIT TADBIR URUS	96.18 %	RM 4,561,772
RM 30,362,180	SEKTOR PENGURUSAN	89.21 %	RM 27,085,285
RM 6,651,260	AKADEMI AUDIT NEGARA	91.29 %	RM 6,071,679
RM 68,655,960	AUDIT NEGERI	97.15 %	RM 66,697,672
RM 267,500	PROGRAM KHUSUS	94.84 %	RM 253,686

PERJAWATAN DAN PERSONEL

Kedudukan Perjawatan Tahun 2019

KEDUDUKAN PERJAWATAN TAHUN 2019	
Jumlah Perjawatan	2040
Pengisian	1839
Kekosongan	201



Bilangan pengambilan baru tahun 2019

PENGAMBILAN BARU TAHUN 2019		
JAWATAN	GRED	JUMLAH
Juruaudit	W41	19 calon
Penolong Juruaudit	W29	38 calon
Pembantu Operasi	N11	15 calon



Bilangan pengisian kenaikan pangkat tahun 2019

BIL.	GRED	BILANGAN PEGAWAI YANG DISAHKAN KENAIKAN PANGKAT
1	JUSA A	1
2	JUSA B	0
3	JUSA C	3
4	W54	8
5	W52	8
6	W48	13
7	W44	2
8	W40	4
9	W36	17
10	W32	21
11	W28	2
12	W26	1
JUMLAH KESELURUHAN		80

MAJLIS AMANAT YBHG. DATUK KETUA AUDIT NEGARA BERSAMA PENEMUDUGA BAGI PENGAMBILAN PENOLONG JURUAUDIT GRED W29 PADA 15 NOVEMBER 2019



PEMBANGUNANKERJAYA

Bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan dan organisasi setiap pegawai-pegawai awam diberi peluang melanjutkan pelajaran bagi meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam menentukan kejayaan sesebuah organisasi kerajaan.

Justeru itu, Jabatan Audit Negara (JAN) di bawah tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menguruskan pegawai-pegawai yang berhasrat melanjutkan pelajaran melalui kemudahan Hadiah Latihan Persekutuan melalui Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa (CBBPDB), Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Lain-Lain (CBBP), Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa (CBBPTB) dan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Biasiswa Kumpulan Pelaksana (CBBPDBKP). Pada tahun 2019 sebanyak 27 bilangan permohonan telah diterima manakala sebanyak 23 permohonan telah diperakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM). Seterusnya hanya 9 pegawai telah memperoleh kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian dalam dan luar negara seperti jadual dibawah seperti berikut:

BILANGAN PEGAWAI YANG TELAH DILULUS JPA UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN

TAHUN	BILANGAN PERMOHONAN	BILANGAN PERAKUAN PPSM	KELULUSAN JPA
2019	CBBPDB		
	21	17	3
	CBBP		
	1	1	1
	CBBPTB		
	4	4	4
	CBBPDBKP		
1	1	1	
	27	23	9

	CBBPDB	CBBP	CBBPTB	CBBPDBKP	
BILANGAN PERMOHONAN	21	1	4	1	27
BILANGAN PERAKUAN PPSM	17	1	4	1	23
KELULUSAN JPA	3	1	4	1	9

PEMBANGUNANKOMPETENSI

Seksyen Pembangunan Kompetensi berperanan mengendalikan Peperiksaan Perkhidmatan bagi membolehkan Pegawai Audit memenuhi salah satu daripada syarat untuk disahkan dalam jawatan dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41.

Jenis Peperiksaan Di Jabatan Audit Negara

Terdapat dua (2) jenis peperiksaan di Jabatan Audit Negara (JAN) iaitu:

- i. Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Bagi Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 dalam Percubaan. Peperiksaan ini diadakan dua (2) kali setahun iaitu pada bulan Jun dan November.
- ii. Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Ke Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41. Peperiksaan ini diadakan setahun sekali pada bulan November.

Maklumat Peperiksaan Tahun 2019


Peperiksaan Siri 1 Tahun 2019

Peperiksaan ini telah diadakan pada 25 hingga 27 Jun 2019 di empat (4) pusat dan melibatkan seramai 74 calon secara keseluruhannya iaitu 35 calon Juruaudit Gred W41 dan 39 calon Penolong Juruaudit Gred W29.

ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIRI 1 TAHUN 2019 BAGI JURUAUDIT GRED W41 DALAM PERCUBAAN

PERKARA	ANALISIS/ PERIHAL CALON		BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
			PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PENGAUDITAN		PENGAUDITAN	
			Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1.	Bilangan Menduduki Peperiksaan	19		32		22	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian		Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1.	Lulus	15	78.9%	14	43.7%	18	81.8%
	2.	Kandas	4	21.1%	16	50.0%	3	13.6%
	3.	Tidak Hadir	0	0.0%	2	6.3%	1	4.6%
JUMLAH			19	100.0%	32	100.0%	22	100.0%


ANALISIS PERATUS LULUS MENGIKUT SUBJEK PEPERIKSAAN SIRI 1 TAHUN 2019
BAGI JURUAUDIT GRED W41 DALAM PERCUBAAN



ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIRI 1 TAHUN 2019 BAGI PENOLONG JURUAUDIT GRED W29

PERKARA	ANALISIS/ PERIHAL CALON		BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
			PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PENGAUDITAN		PENGAUDITAN	
			Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1.	Bilangan Menduduki Peperiksaan	24		34		22	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian		Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1.	Lulus	23	95.8%	16	47.1%	9	40.9%
	2.	Kandas	0	0.0%	16	47.1%	8	36.4%
	3.	Tidak Hadir	1	4.2%	2	5.8%	5	22.7%
JUMLAH			24	100.0%	34	100.0%	22	100.0%

ANALISIS PERATUS LULUS MENGIKUT SUBJEK PEPERIKSAAN SIRI 1 TAHUN 2019
BAGI PENOLONG JURUAUDIT GRED W29 DALAM PERCUBAAN




Peperiksaan Siri 2 dan Peperiksaan Khas Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Tahun 2019

Peperiksaan ini telah diadakan pada 12 hingga 14 November 2019 di empat (4) pusat dan melibatkan seramai 85 calon secara keseluruhannya iaitu 31 calon Juruaudit Gred W41, 50 calon Penolong Juruaudit Gred W29 dan 4 calon Peningkatan Secara Lantikan (PSL) Penolong Juruaudit Gred W36.

ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIRI 2 TAHUN 2018 BAGI JURUAUDIT GRED W41

PERKARA	ANALISIS/ PERIHAL CALON		BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
			PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PENGAUDITAN		PENGAUDITAN	
			Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1.	Bilangan Menduduki Peperiksaan	15		29		14	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian		Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1.	Lulus	13	86.7%	24	82.7%	12	85.8%
	2.	Kandas	0	0.0%	3	10.3%	1	7.1%
	3.	Tidak Hadir	2	13.3%	2	7.0%	1	7.1%
JUMLAH			15	100.0%	29	100.0%	14	100.0%


ANALISIS PERATUS LULUS MENGIKUT SUBJEK PEPERIKSAAN SIRI 2 TAHUN 2019 BAGI JURUAUDIT GRED W41 DALAM PERCUBAAN



ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIRI 2 TAHUN 2019 BAGI PENOLONG JURUAUDIT GRED W29

PERKARA	ANALISIS/ PERIHAL CALON		BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
			PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PENGAUDITAN		PENGAUDITAN	
			Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1.	Bilangan Menduduki Peperiksaan	31		45		40	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian		Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1.	Lulus	25	80.6%	20	44.5%	23	57.5%
	2.	Kandas	3	9.7%	20	44.5%	12	30.0%
	3.	Tidak Hadir	3	9.7%	5	11.0%	5	12.5%
JUMLAH			31	100.0%	45	100.0%	40	100.0%


ANALISIS PERATUS LULUS MENGIKUT SUBJEK PEPERIKSAAN SIRI 2 TAHUN 2019 BAGI PENOLONG JURUAUDIT GRED W29 DALAM PERCUBAAN



ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KHAS PSL TAHUN 2019 BAGI PENOLONG JURUAUDIT GRED W36

PERKARA	ANALISIS/ PERIHAL CALON		BAHAGIAN B(I)		BAHAGIAN B(II)		BAHAGIAN B(III)	
			PERLEMBAGAAN DAN UNDANG-UNDANG		PENGAUDITAN		PENGAUDITAN	
			Bil. Calon		Bil. Calon		Bil. Calon	
A	1.	Bilangan Menduduki Peperiksaan	2		2		3	
B	Analisis Pencapaian Calon Mengikut Bahagian		Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)	Bil. Calon	(%)
	1.	Lulus	0	0.0%	1	50.0%	1	33.3%
	2.	Kandas	1	50.0%	0	0.0%	1	33.3%
	3.	Tidak Hadir	1	50.0%	1	50.0%	1	33.3%
JUMLAH			2	100.0%	2	100.0%	3	100.0%

ANALISIS PERATUS LULUS MENGIKUT SUBJEK PEPERIKSAAN KHAS PSL TAHUN 2019 BAGI PENOLONG JURUAUDIT GRED W36



Mesyuarat Pindaan Sukatan Peperiksaan Jabatan Audit Negara (JAN) (Pindaan Tahun 2013)

- 3.1. Mesyuarat telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu Mesyuarat Penggubalan Pindaan Sukatan Peperiksaan pada 24 – 26 Februari 2019 di Pulau Pinang dan Mesyuarat Pemuktamadan Pindaan Sukatan Peperiksaan pada 13 – 15 September 2019 di Melaka. Mesyuarat telah dihadiri oleh 41 orang Ahli Panel Penggubal Soalan Peperiksaan Subjek Jabatan yang telah dilantik dan juga Pengerusi bagi setiap panel.
- 3.2. Mesyuarat bertujuan membincangkan pindaan terhadap Sukatan Peperiksaan Perkhidmatan JAN bagi Skim Perkhidmatan Juruaudit Gred W41 dan Penolong Juruaudit Gred W29 (Dalam Percubaan) serta Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (PSL) bagi Penolong Juruaudit Gred W36/40.

GAMBAR – GAMBAR CALON MENDUDUKI PEPERIKSAAN TAHUN 2019



Pusat Peperiksaan di Akademi Audit Negara



Pusat Peperiksaan di Jabatan Audit Negara Negeri Sabah



Pusat Peperiksaan di Jabatan Audit Negara Negeri Sarawak



GAMBAR – GAMBAR AHLI PANEL PENGGUBAL SOALAN PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN YANG MENGHADIRI MESYUARAT PINDAAN SUKATAN PEPERIKSAAN



PERKHIDMATANKAUNSELING

Unit Kaunseling berperanan memberikan perkhidmatan kaunseling kepada pegawai JAN yang memerlukan perkhidmatan kaunseling. Antara fungsi tugas Unit Kaunseling adalah seperti berikut:

- Menjalankan sesi kaunseling individu dan kelompok bagi kakitangan jabatan
- Merancang dan melaksana/ menyelaras aktiviti perkembangan, pembangunan dan pementapan kualiti kaunseling – pembangunan modul
- Merancang, melaksana/ menyelaras program-program / aktiviti-aktiviti advokasi perkhidmatan kaunseling seperti ceramah, bengkel seminar dan sebagainya

Pada tahun 2019, antara pencapaian perkhidmatan kaunseling adalah:

- KSB Bil.1 / 2019 Program Pengurusan Stres : Intervensi Psikologi melalui Muzik (4 April 2019)
- KSB Bil.4 / 2019 Program Kesihatan Mental dan Kesihatan Fizikal (10 Disember 2019)
- Ceramah Pengurusan Stres dan Gangguan Seksual di JAN Negeri Selangor (12 Februari 2019)
- Ceramah Personaliti (Inventori Personaliti Warna) di JAN Negeri Selangor (19 Jun 2019)
- Ceramah Masalah Komunikasi di JAN Negeri Selangor (23 Julai 2019)

AKTIVITI KAUNSELING

KBS BIL.1/2019 PROGRAM PENGURUSAN STRESS: INTERVENSI PSIKOLOGI MELALUI MUZIK PADA 4 APRIL 2019





PROGRAM PEMBANGUNAN KAPASITI

JAWATANKUASA LATIHAN

Jawatankuasa Latihan JAN ditubuhkan bagi mengkaji dan meluluskan cadangan penambahbaikan dasar latihan, meluluskan perancangan keperluan latihan, memantau pelaksanaan latihan, kawalan mutu dan jaminan kualiti latihan serta menimbang dan memperaku penambahbaikan kemudahan AAN. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Mesyuarat Jawatankuasa Latihan bagi tahun 2019 telah diadakan pada 20 Jun 2019 dan 23 Disember 2019.

JAWATANKUASA LATIHAN JABATAN AUDIT NEGARA

Pengerusi	Ahli Jawatankuasa
<ul style="list-style-type: none">Ketua Audit Negara Malaysia	<ul style="list-style-type: none">Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan)Timbalan Ketua Audit Negara (Syarikat)Pengarah Sektor PengurusanPengarah Akademi Audit Negara

LATIHAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Kursus dan latihan yang diadakan adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan modal insan dengan memberi penekanan dalam pembangunan sikap (*attitude*), kemahiran (*skills*) dan pengetahuan (*knowledge*) yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang berteraskan pembangunan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Sepanjang tahun 2019 sebanyak 14 Kursus Luar dan 5 Kursus Skala Besar telah dilaksanakan dengan penglibatan sebanyak 1,108 peserta. Maklumat berkaitan kursus yang dilaksanakan adalah seperti di Jadual berikut di bawah:

BIL.	KURSUS LUAR				
	PERKARA	TARIKH	JUMLAH HARI	LOKASI	JUMLAH PESERTA
1.	Mesyuarat Penentuan Bidang Kepakaran Dan Pembangunan Kriteria Kemasukan Kemajuan Kerjaya SME Bagi Pegawai Jabatan Audit Negara	15 - 16 Januari 2019 (Selasa - Rabu)	2	Akademi Audit Negara	19
2.	Bengkel Pengurusan Kewangan Siri 1/2019 Bagi Pegawai Jabatan Audit Negara	19 - 21 Mac 2019 (Selasa - Khamis)	3	RHR Hotel @Kajang, Selangor	40

BIL.	KURSUS LUAR				
	PERKARA	TARIKH	JUMLAH HARI	LOKASI	JUMLAH PESERTA
3.	Bengkel <i>Task Force</i> Penyediaan Sasaran Kerja Utama (SKU) <i>Myperformance</i> Jabatan Audit Negara	29 Mac 2019 (Jumaat)	1	Dewan Makan Aras 4, JAN	15
4.	Bengkel Pengurusan Aset Alih Dan Stor Siri 1/2019 Bagi Pegawai Jabatan Audit Negara	22 - 24 April 2019 (Isnin - Rabu)	3	RHR Hotel @Kajang, Selangor	45
5.	Mesyuarat Pengurusan Prestasi Berdasarkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Ke Atas Penjawat Awam Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) Tier 2	2 - 3 Mei 2019 (Khamis - Jumaat)	2	Pulse Grande Hotel, Putrajaya	28
6.	Bengkel Pemantapan Pengurusan Cuti Dan Gaji Sumber Manusia (Urusan Perkhidmatan & Hrmis)	23 - 25 Julai 2019 (Selasa - Khamis)	3	AAN	39
7.	Bengkel Pengurusan Kewangan Siri 2/2019	27 - 29 Ogos 2019 (Selasa - Khamis)	3	Summit Hotel, Kuala Lumpur	49
8.	Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Tambahan Jawatan Skim Juruaudit Dan Penolong Juruaudit Bagi Pelaksanaan Perakaunan Akruan Tahun 2021 Sektor Audit Kewangan	25 September 2019 (Rabu)	1	Akademi Audit Negara	35
9.	Kursus Komunikasi Berkesan Di Kalangan Setiausaha Pejabat Jabatan Audit Negara	8 Oktober 2019 (Selasa)	1	Dewan Serbaguna Aras G, JAN	33
10.	Kursus Penyeliaan Berkesan Bagi Pegawai Jabatan Audit Negara	30 Oktober - 1 November 2019 (Rabu - Jumaat)	3	Impian Rimba Resort, Selangor	53
11.	Mesyuarat Penetapan Hala Tuju Sektor Pengurusan Bersama Pengarah Sektor Pengurusan Jabatan Audit Negara	4 Disember 2019 (Rabu)	1	Dewan Serbaguna Parcel F8, Presint 1	88
12.	Mesyuarat Penyediaan Pelan Strategik Sumber Manusia 2021-2025 & Mesyuarat Pemantapan Kualiti Kerja Serta Penetapan Hala Tuju BPSM	6 - 8 Disember 2019 (Jumaat - Ahad)	3	Amverton Heritage Resort, Melaka	35
JUMLAH					479

BIL.	KURSUS SEHARI BERKALA BESAR (KSB)				
	PERKARA	TARIKH	JUMLAH HARI	LOKASI	JUMLAH PESERTA
1.	Pengurusan Stress : Intervensi Psikologi Melalui Muzik (LPMM)	4 April 2019 (Khamis)	1	Dewan Serbaguna Aras G, JAN	100
2.	Pemantapan Pasukan Kerja & Pembangunan Kendiri Dalam Kerjaya	21 Ogos 2019 (Rabu)	1	Dewan Serbaguna Aras G, JAN	91
3.	Transformasi Diri Dalam Kerjaya Ke Arah Pembangunan Organisasi	28 November 2019 (Khamis)	1	Dewan Serbaguna Aras G, JAN	220
4.	Kesedaran Kesihatan Fizikal & Mental	3 Disember 2019 (Selasa)	1	Dewan Serbaguna Aras G, JAN	130
